

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

**Projek Sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia**

AZHARI BIN HJ. ABD. RAHMAN



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

AZHARI ABD. RAHMAN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN


DAN KAUNSELING

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
*(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).*

Nama Penyelia : En. Ahmad b. Khamis
(Name of Supervisor):

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: 5/7/98

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Program Sarjana Sains (Pengurusan). Saya bersetuju mengizinkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkan sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik, mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia projek atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan komersial, tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan persepsi pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar-pelajar terhadap fungsi, keupayaan, dan keberkesanan PBK. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar dan pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Sampel kajian ini terdiri daripada 368 pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah gred A di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Satu set soal selidik yang mengandungi item-item berskala empat mata (likert) digunakan untuk melihat maklum balas responden. Data-data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan Ujian-t.

Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap perkhidmatan ini adalah positif. Ini bererti bahawa: Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK; Personaliti kaunselor sekolah; Keupayaan dalam menyelesaikan masalah pelajar; Bimbingan peningkatan akademik; Bimbingan ke IPT; Bimbingan kerjaya; dan Keyakinan pelajar terhadap PBK adalah memuaskan. Walaupun demikian, terdapat persepsi yang negatif terhadap beberapa pernyataan tertentu.

Di samping itu, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Berdasarkan hasil kajian, dicadangkan supaya perkhidmatan ini mengekal dan meningkatkan mutu perkhidmatan. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah di kawasan bandar perlu dikemaskan supaya setanding dengan luar bandar. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian terutamanya adalah Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK; Khidmat bimbingan peningkatan akademik dan Bimbingan ke IPT.

ABSTRACT

This study is intended to explain the perceptions of secondary school students as regards to the counselling and guidance service provided in schools, particularly their function, capabilities and effectiveness. Apart from that, the study is also intended to determine the difference, if any, in perception between the urban and rural students and between the male and female students, towards the counselling and guidance services.

The sampling for this study consisted of 368 Form Five students from six secondary grade A school in the Kota Setar District, Kedah Darul **Aman**. A questionnaire was used to gather the necessary data. To elicit the necessary response, a set of questionnaire consisting of Likert style 4-scale items was distributed. All the data gathered was analyzed using descriptive statistics and T-test.

The findings indicated that the perception of the respondents towards the counselling and guidance service was positive. The comfort and physical facilities in the counselling rooms, the personality of the school **counsellors**, his capabilities in solving students' problems, guidance in upgrading academic performances, and entry into institutions of higher learning, career guidance, and confidence of students towards the counselling and guidance

The results of this study also showed that there were no significant difference in perception between male and female students, but a significant difference in perception was noted between the urban and rural students towards the counselling and guidance services.

Based on the findings, it is suggested that the counselling and guidance services be retained and further improved. The services provided in urban school should be improved to meet the same standard as the rural schools. Aspects that should be given particular attention are the comfort and physical facilities of the counselling rooms, guidance in raising academic performances, and entrance into institutions of higher learning.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Bersyukur saya kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kajian ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia Projek, Encik Ahmad bin Khamis di atas pandangan, bimbingan dan teguran beliau yang jujur dan ikhlas. Ucapan yang sama ditujukan kepada Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid (Pengarah IAB), Prof. Madya Dr. Ibrahim Abd. Hamid dan semua kakitangan Institut Aminudin Baki, Universiti Utara Malaysia serta Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang dan kerjasama kepada saya sepanjang pengajian. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengetua-pengetua Sek. Men. Kebg.; Tunku Abdul Rahman, Tunku Abdul Malik, Teknik, Jabi, Alor Janggus dan Muazam Shah kerana telah memberikan kebenaran dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah tersebut.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada individu-individu yang telah membantu saya terutamanya kepada Pn. Alawiyah bt. Ibrahim, En. Sulaiman b. Md. Zain, En. Zuber b. Hj. Hassan dan En. Tan Soo Beng. Seterusnya, rakan-rakan dari Kohort 6 dan sesiapa sahaja yang namanya tidak disebut di sini yang telah memberi pertolongan kepada penulis dalam usaha menyiapkan penulisan ini.

Akhir kata segala bentuk kerjasama dan pertolongan yang diberikan itu hanya Allah sahaja yang akan membalasnya kelak.

Azhari b. Hj. Abd. Rahman
Program Sarjana Sains (Pengurusan)
IAB / UUM Kohort 6
1997 / 98

DEDIKASI

SEJAMBAK KASTA

*Al - Fatimah
Yang amat dikasihi
bondaku Hjh. Rabiah Jusoh
ayahandaku Hj. Abd. Rahman Yahya
Terima kasih kerana mendidik*

*Yang teristimewa dan tersayang
Chek Yah
Perangsang serta pengorbananmu amatku sanjung*

*Yang dikasihi penawar hatiku
maafkan abahmu
Siti Hanisah
Muhammad Hanif
Muhammad Hafiz
Abdul Hadi
Siti Solehah
Muhhammad Huzairah
Teruskan perjuangan ini*

*Yang sentiasa dikenang
Ahmad
Sulaiman
Idrus
Tanpamu siapalah aku*

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
DEDIKASI	vii
JADUAL KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI MODEL	xiv
BAB SATU : PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Soalan Kajian	14
1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Konsep	16
1.9.1 Persepsi	16

1.9.2	Pelajar	17
1.9.3	Perkhidmatan	16
1.9.4	Bimbingan dan Kaunseling	19
BAB DUA : SOROTAN LITERATUR		24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	26
2.3	Persepsi Pelajar Terhadap Kaunselor Sekolah	29
2.4	Persepsi Pelajar Bandar dan Luar Bandar Terhadap Bimbingan dan Kaunseling	33
2.5	Persepsi Pelajar Berdasarkan Jantina Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	35
2.6	Kesimpulan	38
BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN		40
3.1	Pengenalan	40
3.2	Rekabentuk Kajian	40
3.3	Sumber Data	41
3.4	Lokasi Kajian	41
3.5	Persampelan	43
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	48
3.7	Pembolehubah	50
3.8	Soal Selidik	52

3.9	Kajian Rintis	55
3.10	Analisis Data	56
BAB EMPAT : HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN		57
4.1	Pengenalan	57
4.2	Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK	58
4.2.1	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK	59
4.2.2	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Personaliti Kaunselor Sekolah	62
4.2.3	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar	64
4.2.4	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Peningkatan Akademik	67
4.2.5	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan ke IPT	70
4.2.6	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Kerjaya	72
4.2.7	Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Keyakinan Pelajar	75
4.2.8	Kesimpulan	79
4.3	Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK Mengikut Lokaliti dan Jantina	80

4.3.1	Pengujian Hipotesis 1	82
4.3.2	Pengujian Hipotesis 2	82
BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN		85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Ringkasan Kajian	85
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	87
5.4	Kesimpulan Kajian	93
5.5	Cadangan Pelaksanaan	95
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	98
BIBLIOGRAFI		100
LAMPIRAN		107
A	Instrumen Kajian	107
B	Surat Kebenaran Daripada Sekolah Siswazah.	112
C	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.	113
D	Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia.	115
E	Surat Kebenaran Daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Kedah Darul Aman.	116

SENARAI JADUAL

JADUAL		Halaman
3.1	Lokaliti Sekolah dan Jantina	44
3.2	Taburan Responden Mengikut Lokaliti	47
3.3	Taburan Responden Mengikut Jantina	47
3.4	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Lokaliti	48
3.5	Taburan Responden Mengikut Lokaliti, Sekolah dan Jantina	49
3.6	Nama Sekolah dan Kod	55
3.7	Kod dan kategori Persetujuan	55
3.8	Susunan Item-item Berdasarkan Kategori Persepsi	56
3.9	Item Positif dan Negatif Bagi Setiap Kategori Pembolehubah	57
4.1	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Kemudahan dan Keselesaan Fizikal Bilik PBK	63
4.2	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Personaliti Kaunselor Sekolah	65
4.3	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar	68
4.4	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Peningkatan	

	Akademik	71
4.5	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan ke IPT	73
4.6	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Kerjaya	76
4.7	Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Keyakinan Pelajar	79
4.8	Skor Min Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK	81
4.9	Ujian-t Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK Mengikut Lokaliti	84
4.10	Ujian-t Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK Mengikut Jantina	86

SENARAI MODEL

Model	muka surat
3.1 Model Persepsi Pelajar Terhadap PBK Di Sekolah	54

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Sekolah merupakan suatu organisasi perkhidmatan awam yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu dan membina insan. Sekolah memainkan peranan penting dalam membangunkan manusia dan kemanusiaan. Pengurusan sekolah yang berkesan dan berkualiti dapat membangunkan kecemerlangan ilmu dan akal budi pelajar. Menurut Crosby (1996), pengurusan mempunyai tanggungjawab utama untuk menentukan kejayaan organisasi. Oleh sebab itu, untuk memastikan sesuatu organisasi berjaya dan mencapai kecacatan sifar, pengurusan mestilah boleh dipercayai dan berintegrasi untuk melaksanakan kerja-kerja yang sepatutnya.

Kecemerlangan pengurusan sekolah diukur berdasarkan kejayaan merealisasikan falsafah pendidikan. Falsafah Pendidikan Negara memberi penekanan kepada pendidikan yang bersepadu dan seimbang. Matlamat pendidikan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan

terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Teras pendidikan di sekolah berkonsepkan pembangunan manusia dan kemanusiaan. Dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet menegaskan, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan (dlm. Wan Mohd. Zahid Noordin, 1993).

Konsep dan hasrat pendidikan tersebut lahir ekoran kebimbangan terhadap kesan pengaruh dari luar yang akan merosakkan proses pembangunan generasi dan bangsa, pencemaran dan pemusnahan nilai-nilai dan tradisi yang luhur, dan perungkaian keyakinan dan pegangan agama. Justeru Jawatankuasa Kabinet menegaskan seperti berikut:

Untuk kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki; bahkan perlu juga dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia.

(dlm. Wan Mohd. Zahid Noordin, 1993)

Hasrat negara untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang secara total memerlukan pemerhatian, pemantauan dan tindakan susulan

secara teliti dan langsung kepada individu dan kelompok demi untuk memupuk dan membentuk nilai-nilai yang diharapkan(Mohd. Yassin Maaruf, 1996). Justeru, tiap-tiap buah sekolah mesti mempunyai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi memastikan proses penyampaian ilmu dan pembentukan insan kamil (Omardin Ashaari, 1996).

1.2 Latar Belakang Masalah

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia sejak tahun 1963 (Llyod, 1987). Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan beberapa surat pekeliling tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Surat-surat pekeliling tersebut memberi arahan kepada semua pengetua sekolah supaya melantik guru bimbingan, menyediakan tempat atau bilik yang sesuai dan menentukan tugas-tugas mereka. Surat pekeliling KP 5209/35/(4) 1964, mengesyorkan pelantikan guru bimbingan, Surat Pekeliling Iktisas KP(BS)8548/1/Vol.11(49), Bil.5/1976, tentang kemudahan bilik untuk perkhidmatan panduan pelajaran dan kerjaya (Aminah Hashim,1994).

Keperluan mewujudkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di peringkat sekolah mendapat perhatian semula apabila Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 dalam perakuan 70, menegaskan:

Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata panduan kerjaya sahaja.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984 : 1)

Pada tahun 1982, Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3 / 1967 telah dipinda kepada surat pekeling KP (PP) 0050 / 117 Jld. 2 / (1) 1982. Pekeliling tersebut menegaskan bagi sekolah-sekolah menengah pula, seorang guru panduan kerjaya dibekalkan bagi tiap-tiap sekolah menengah dalam tahun 1983 (Aminah Hashim 1994).

Ekoran daripada harapan yang diletakkan kepada guru-guru bimbingan semakin besar dan pelbagai gejala disiplin dan masalah sosial yang melanda pelajar sekolah, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah semakin mendapat perhatian. Sebagai satu mekanisme yang dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan pelajar-pelajar, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah telah melalui perkembangan peringkat demi peringkat. Perkhidmatan ini turut dilihat sebagai satu mekanisme atau perkhidmatan yang dapat membantu mencapai matlamat pendidikan ke tahap yang optimum. Walaupun di peringkat awal unit ini memberikan penekanan kepada bidang kerjaya dan panduan tetapi pada awal 1980, perkhidmatan panduan dan kerjaya ini berubah kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Tan Chee Yee, 1991).

Pada tahun 1996, perkhidmatan ini telah dimartabatkan dengan perlantikan kaunselor sekolah sepenuh masa. Jawatan Kaunselor Pelajar Sepenuh Masa telah diluluskan secara perjawatan *over and above* norma peruntukan perjawatan sekolah seperti yang diperuntukan dalam (B26)95/ABM 96. Kelulusan ini juga telah diberikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia melalui minit beliau bertarikh 14 Disember 1996 dan diumumkan melalui akhbar-akhbar tempatan dan media elektronik pada 7 dan 8 Februari, 1996 (Azli Abdullah, 1997).

Menurut Rachman (1977), sebab-sebab kaunselor diperlukan di sekolah ialah:

- Terdapat beberapa masalah dalam pendidikan dan pengajaran di sekolah yang tidak mungkin dapat diselesaikan oleh guru biasa.
- Guru-guru terikat dengan tugas-tugas lain yang harus diselesaikan dan tugas ini bertentangan dengan kepentingan dan kehendak murid.
- Terdapat kegiatan-kegiatan dalam rangka atau program pendidikan yang harus dilakukan oleh petugas sekolah yang bukan guru.
- Terdapatnya konflik antara murid dengan guru yang memerlukan bantuan pihak ketiga.

Menurut Schmidt (1986), kaunseling tidak harus dipencilkan daripada menuai hasil yang baik daripada sistem pendidikan. Untuk diiktiraf dan diterima sebagai profesional, kaunselor perlu menjadikan program yang komprehensif. Dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih bermakna, kaunselor di sekolah perlu meneliti banyak faktor yang boleh menyumbang atau menjejaskan khidmat mereka. Menurut beliau lagi, seseorang kaunselor yang berkesan mampu memberi bantuan dengan menjadi lebih mudah dikenali, berkeupayaan, bersedia dan bertanggungjawab.

Kepentingan kaunseling sebagai *the heart of the guidance service* tidak dapat dipisahkan dalam proses bimbingan. Pembolehubah bimbingan yang diklasifikasikan kepada pendidikan, kerjaya, peribadi dan sosial tidak memberi makna yang signifikan kerana bimbingan bukan semata-mata memadankan belia dengan pekerjaan tetapi merupakan satu proses membuat individu memahami kebolehan serta minatnya dan membuat keputusan-keputusan untuk dirinya (Azli Abdullah, 1997). Pendek kata ia adalah satu usaha membimbing perkembangan individu (Miller, 1968).

Menurut Suradi Salim (1996), antara sebab-sebab mengapa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini perlu diadakan dan diperkukuhkan di sekolah ialah :

- Membantu pelajar berkembang dalam semua bidang.

- Membolehkan pelajar membuat pilihan yang sesuai pada semua peringkat persekolahan mereka.
- Menolong pelajar membuat pilihan kerjaya dan membuat persediaan sebelum memasuki kerjaya yang telah dipilih.
- Menolong pelajar dalam perkembangan kerjayanya.
- Menolong pelajar membuat penyesuaian yang paling baik di sekolah dan juga di luar sekolah.
- Menambah usaha yang dilakukan oleh ibu bapa di rumah.
- Meminimumkan salah penerapan di antara pendidikan dan penggunaan tenaga manusia dan membantu mencapai penggunaan tenaga manusia yang paling berkesan.
- Mengenalpasti dan memotivasi pelajar dari lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik.
- Menolong mengurangkan atau mengawal pembaziran dan kelembapan dalam sistem pendidikan.
- Mengenalpasti dan menolong pelajar yang memerlukan pertolongan khas.
- Memastikan bahawa masa di luar bilik darjah digunakan dengan berfaedah.
- Menambah daya tarikan sekolah.
- Menjadikan pendidikan menengah rendah dan menengah atas lebih berjaya.
- Mengatasi masalah kemerosotan disiplin.

Berdasarkan bidang perkhidmatan dan matlamat yang digarapkan, membuktikan bahawa perkhidmatan ini dapat memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menyambut cabaran Wawasan 2020 dengan memperkembangkan sumber-sumber manusia, secara optimum di peringkat sekolah lagi (Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, 1996). Dalam pembinaan insan, program dan aktiviti dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berasaskan kepada urutan pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan tindakan susulan dapat menjurus kepada matlamat Wawasan Pendidikan yang berteraskan konsep tanpa kecacatan dari pembolehkan disiplin, tingkahlaku, sahsiah, moral, akademik dan perhubungan interpersonal. Ini akan merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan sekolah yang bebas dari tingkahlaku yang tidak berdisiplin, bermoral rendah dan anti-sosial atau anti-pentadbiran sekolah (Mohd Yassin Maarof, 1996).

1.3 Pernyataan Masalah

Sungguhpun perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini telah lama diperkenalkan dan disedari keperluannya, namun keberkesanan perkhidmatan ini belum begitu memuaskan disebabkan banyak halangan (Suradi Salim, 1996). Menurut beliau lagi, ramai pelajar di sekolah melalui proses persekolahan tanpa sebarang matlamat dan arah tujuan tertentu. Mereka tidak mempunyai cita-cita kerjaya tertentu dan realistik yang mereka

ingin ceburi dan cara hidup bagaimana yang mereka inginkan atau kehendaki. Dengan perkataan lain, ramai pelajar belajar tanpa memiliki sebarang arah tujuan atau matlamat hidup. Mereka tidak mempunyai rancangan masa depan dan menyerahkan masa depan mereka kepada nasib (Suradi Salim, 1996).

Sehubungan itu, Mohd. Yassin Maaruf (1996), menambah bahawa pandangan pelajar mengenai diri pada masa ini belum dapat dibanggakan. Tidak ramai pelajar yang dapat membudayakan konsep 'pengiklanan diri' iaitu dapat menyatakan dengan spesifik tentang matlamat hidup, cita-cita, keperluan, perasaan, kebolehan, perancangan, pengetahuan dan kemahiran diri. Pelajar yang terlibat dengan salahlaku akan berterusan dengan tingkahlakunya dan akhirnya tercicir dari sekolah dan terlibat pula dengan masalah sosial. Pelajar sederhana pula akan berterusan dengan pencapaian akademik yang rendah dan apabila tamat alam persekolahan, jika tidak memperolehi pekerjaan atau melanjutkan pengajian, mereka akan terlibat juga dengan masalah sosial seperti lepak tanpa tujuan, bohsia, bohjan, pelacuran, rompak, gangsterism, terlibat dengan penggunaan dadah dan pengedaran dadah.

Gerler (1976) yang telah membuat tinjauan terhadap jurnal kaunseling selama lima tahun merumuskan bahawa kaunselor harus sentiasa digalakkan untuk mencuba pelbagai kaedah baru dalam memberi perkhidmatan dan

mengurangkan kaedah tradisional. Corey (1982), mencadangkan agar kaunselor membiasakan diri dengan pendekatan-pendekatan utama dalam kaunseling, di samping perlu mampu membina pendekatan dan model yang disesuaikan dengan personaliti mereka dan kehendak klien.

Jelas bahawa wujudnya sesuatu permasalahan yang membabitkan pembolehubah perkhidmatan antara unit bimbingan dan kaunseling sekolah dengan pelajar. Urutan itu, Omardin Ashaari (1996) menegaskan, penilaian program PBK adalah perlu untuk mendapatkan maklumat penting berhubung dengan program yang dirancang. Penilaian akan dapat membaiki program yang telah dirancang agar lebih menepati objektif. Pelajar merupakan golongan penting untuk menilai program PBK. Pengalaman pelajar dalam program itu merupakan maklum balas yang amat baik bagi tujuan penilaian.

Berdasarkan dapatan daripada penilaian tersebut suatu perancangan strategik boleh disusun. Untuk menyusun perancangan strategik memerlukan kepekaan dan kreativiti guru bimbingan dan kaunseling. Terutamanya dalam sistem sekolah, penglibatan pentadbir merupakan strategi yang paling berkesan. Strategi ini mengutamakan sokongan pentadbir bagi memudahkan lagi pengurusan dan pelaksanaan program. Melalui rundingan bersama pentadbir, justifikasi dapat disampaikan secara

langsung mengenai segala sumber yang diperlukan seperti peruntukan masa, personalia dan kewangan (Amiruldin Saad, 1996).

Alimuddin Mohd. Dom (1988), berpendapat bahawa melalui pemerhatian, pengamatan dan pengalaman, pelajar-pelajar akan dapat membentuk suatu nilai terhadap perkhidmatan itu. Dengan kata lain, persepsi pelajar sama ada positif atau negatif adalah penting bagi menentukan pelaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan tersebut.

Kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Ini disebabkan kemungkinan terdapat perbezaan persepsi antara pelajar lelaki dan perempuan serta bandar dan luar bandar. Perbezaan persepsi pelajar dari sudut lokaliti dan jantina dapat dihubungkan dengan perkara-perkara berikut:

1. Kemungkinan perbezaan kelengkapan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kawasan bandar dan luar bandar mempengaruhi persepsi pelajar.
2. Kemungkinan perbezaan persekitaran bandar dan luar bandar mempengaruhi persepsi pelajar.
3. Kemungkinan perbezaan bentuk fizikal, emosi dan sosial antara jantina mempengaruhi persepsi pelajar.

Persoalan-persoalan seperti ini harus diselidiki kerana ia menyentuh persoalan fungsi perkhidmatan tersebut. Kajian ini dianggap penting kerana perkhidmatan itu sendiri merupakan unsur penting dalam membantu menjayakan falsafah dan wawasan pendidikan. Hasil kajian ini diharap dapat mencetuskan aspirasi dan pandangan kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk menyelesaikan atau mengatasi masalah-masalah yang wujud.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (PBK) sekolah di sekolah-sekolah menengah, daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman dalam memberi perkhidmatannya kepada pelajar-pelajar. Objektif khusus kajian adalah:

1. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah.
2. Menenalpasti dengan melihat perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

3. Mengenalpasti dengan melihat perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

1.5 Kepentingan Kajian

Tujuan penubuhan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah adalah untuk meningkatkan martabat dan memurnikan sahsiah, perawakan, sikap dan cara berfikir pelajar berteraskan Falsafah Pendidikan Negara. Dengan demikian maka perkhidmatan yang diberikan oleh sesuatu unit bimbingan dan kaunseling sekolah haruslah terbaik, cekap serta berkesan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman.

Melalui kajian ini juga akan dapat menyediakan satu rangka asas yang boleh digunakan oleh para penyelidik lain untuk membuat kajian yang berkaitan malahan ia juga boleh menjadi rujukan kepada Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri, Kedah Darul Aman.

Kajian ini mendedahkan keadaan sebenar perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dan mengenalpasti masalah-masalah

yang timbul. Setiap faktor yang baik perlulah dikekalkan demi menjayakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, manakala kelemahan yang ada perlulah diatasi bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman pada masa hadapan.

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Secara lebih khusus kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat dua hipotesis nul yang dibentuk berdasarkan soalan kajian iaitu:

Ho 1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK .

Ho 2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK .

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. Sebagai batasan kajian ini, pengkaji memilih dua pembolehubah bebas iaitu lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dan jantina pelajar (lelaki dan perempuan) untuk melihat persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kajian ini dibataskan kepada enam buah sekolah menengah iaitu tiga buah sekolah yang terletak di kawasan bandar dan tiga buah lagi terletak di

kawasan luar bandar. Untuk mendapatkan keseragaman dari segi latar belakang pelajar dan persekitaran sekolah, pengkaji memilih kesemua sekolah yang dikaji itu terletak di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman.

1.9 Definisi Konsep

1.9.1 Persepsi

Persepsi merupakan suatu proses yang bersifat subjektif. Individu mentafsirkan apa yang dialaminya berdasarkan kepada keperluan (Ruch, 1984). Ia merupakan kesedaran terhadap diri dan persekitaran (Mann, 1958). Persepsi mengalami proses yang unik. Sukar untuk mengetahui bagaimana proses itu berlangsung, tetapi hasilnya dapat dikenali yang ianya merupakan proses yang terorganisasi secara individu (Mitchel, 1978).

Menurut Forgas (1966), persepsi ialah *information extraction* iaitu apa yang diamati merupakan maklumat yang akan menjadi asas kepada penilaian terhadap objek yang akan dipersepsi. Meador dan Rogers (1979) pula berpendapat, persepsi adalah dugaan atau ramalan terhadap gerakan yang datang kepada kesedaran bilamana rangsangan menyentuh organisma. Di dalam melakukan pendugaan ataupun peramalan, seseorang menggunakan pengalaman lepasnya bagi membuktikan keesahan dugaan atau ramalan tersebut.

Abas Yusuf (1991) berpendapat, persepsi berhubung dengan masalah rohani sekaligus juga masalah jasmani atau fizikal. Bagaimana sesuatu rangsangan diterima oleh inderia kemudian menyentuh perasaan atau fikiran bukanlah peristiwa yang penting untuk dipelajari. Yang penting adalah mempelajari sesuatu rangsangan, mengukur ciri-ciri pencapaian atau respons yang berlaku di dalam pemikiran atau perasaan. Alkinson et. al. (1983) berpendapat, persepsi sebagai proses menyusun dan mentafsirkan pola-pola rangsangan dari persekitaran.

Dalam kajian ini, persepsi adalah proses meintepretasi, mentafsir dan meramal pandangan dan pendapat daripada pelajar terhadap perkhidmatan yang dilakukan oleh unit bimbingan dan kaunseling sekolah menengah.

1.9.2 Pelajar

Dalam konteks kajian ini, pelajar adalah mereka yang berumur di antara 17 hingga 18 tahun dan belajar di sekolah menengah kebangsaan bantuan penuh kerajaan. Pelajar dalam kajian ini mejurus kepada pelajar-pelajar yang berada dalam tingkatan 5, terdiri daripada pelbagai kaum, jantina, tahap pencapaian akademik, bandar dan luar bandar serta pelbagai taraf sosial ekonomi.

1.9.3 Perkhidmatan

Perkhidmatan berasal daripada perkataan khidmat yang bermaksud bekerja. Pekerjaan yang dimaksudkan itu menunjukkan kesetiaan dan pengabdian. Kamus Dewan mendefinisikan perkhidmatan sebagai perihal berkhidmat dan bekerja untuk kebajikan. Perkhidmatan yang dicurahkan itu dapat memenuhi keperluan dan kepentingan orang ramai. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa perkhidmatan merupakan sumbangan yang berbentuk kepakaran dan kemahiran yang diberikan kepada masyarakat dan negara (Omardin Ashaari, 1996).

Murdick, et. al. (1990), mendefinisikan perkhidmatan sebagai aktiviti ekonomi yang dapat menghasilkan aktiviti dari segi masa, tempat, bentuk dan psikologi. Perkhidmatan juga dikatakan sebagai perbezaan barangan. Render dan Heizer (1997), menyatakan perkhidmatan mencakupi baikpulih, penyelenggaraan, kerajaan, makanan, lojing, pengangkutan, insurans, kewangan, perladangan, pendidikan, perundangan, perubatan, hiburan dan lain-lain pekerjaan profesional.

Seterusnya Galloway (1993), menggariskan ciri-ciri perkhidmatan seperti berikut:

- Melibatkan pelanggan
- Tidak boleh disimpan

- Permintaannya berubah-ubah
- Tidak wujud dalam bentuk yang dapat dikesan deria
- Efisyen
- Berkualiti

Berdasarkan pendapat tersebut jelas bahawa perkhidmatan melibatkan kepakaran dan kehadiran pakar untuk memberi khidmat tersebut. Semua perkhidmatan yang diberi dinilai berdasarkan kualiti perkhidmatan. Mengikut Chek Mat (1996), tanggapan orang ramai terhadap kualiti biasanya dikenalpasti melalui perkhidmatan dan produk yang diberikan oleh ketiga-tiga sektor tersebut dari segi ketepatan waktu, penghasilan kerja yang sempurna, responsif terhadap kehendak-kehendak yang mencerminkan perkhidmatan berkualiti. Itulah antara ciri penting yang memuaskan hati pelanggan-pelanggan.

1.9.4 Bimbingan dan Kaunseling

Downing (1973), menyatakan bahawa bimbingan dan kaunseling merupakan satu perkhidmatan yang penting untuk membimbing individu bagi mengatasi konflik dan tingkahlaku yang dialami oleh mereka. Shertzer dan Stone (1974), pula menjelaskan bahawa bimbingan merupakan suatu proses untuk membantu individu memahami keperibadian dan dunia mereka.

Kaunseling pula merupakan proses interaksi yang dapat menolong seseorang individu itu memahami sahsiah dan alam di kelilingnya.

Perkhidmatan kaunseling adalah proses membantu individu mengemas atau menghapuskan halangan-halangan yang menyekat dan mengusutkan supaya ia menjadi dirinya yang sebenar. Perkhidmatan ini menolong dan menyakinkan individu yang menghadapi kebimbangan dan konflik dalam hidupnya agar menjalankan kegiatan yang sihat, boleh membantu pertumbuhan diri dan belajar membuat keputusan (Arbuckle, 1975). Kaunseling merupakan suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien, yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang masa (Amir Awang, 1996).

Bimbingan adalah pertolongan yang diberikan kepada individu untuk pilihan yang bijaksana dan membuat penyesuaian dalam diri masing-masing. Kebolehan ini bukanlah semulajadi tetapi perlu dikembangkan. Tujuan utama ialah untuk memajukan individu hingga ke tahap keupayaan yang maksimum, kebolehan menyelesaikan masalah diri serta membuat penyesuaian diri (Jones, 1969).

Menurut Suradi Salim (1996), kaunseling pula ialah hubungan peribadi, bersemuka antara dua orang, yang seorang ialah kaunselor dan seorang lagi ialah kaunseli atau klien. Kaunselor, melalui hubungan itu dan dengan menggunakan kemahiran khususnya, menyediakan satu situasi dan suasana, apabila kaunseli, seorang yang normal, dibantu memahami atau mengetahui dirinya, mamahami situasi semasanya serta juga kemungkinan situasi masa hadapannya, supaya dia boleh menggunakan sifat-sifat keperibadiannya dan potensinya dengan cara yang memuaskan dirinya dan memberikan faedah kepada masyarakat dan selanjutnya, mempelajari cara-cara menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluannya pada masa akan datang.

Dalam *Encyclopedia of Psychology* (Ensenck et. al. 1973), kaunseling didefinisikan sebagai satu hubungan interpersonal di mana kaunselor cuba membantu klien dalam memahami dan mengatasi masalah-masalahnya dalam bidang pendidikan vokasional, hubungan keluarga dan sebagainya.

Menyentuh tentang bimbingan dan kaunseling pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (1984), telah mentakrifkan sebagai proses pendidikan. Ia juga merupakan proses yang dirancang dan berterusan. Pelajar dididik atau dibimbing untuk mempelajari pengalaman-pengalaman, nilai-nilai, sikap-

sikap dan perlakuan yang sesuai dengan kehendak masyarakat majmuk di Malaysia.

Dalam perspektif Islam, bimbingan dan kaunseling adalah proses pengajaran dan pembelajaran psiko-sosial yang berlaku dalam bentuk bersemuka (*face to face*) antara seorang yang pakar dalam psikologi kaunseling (kaunselor) dengan seorang lain ke mana ditujukan kaunseling itu (kaunseli). Di situ digunakan teknik-teknik dan kaedah-kaedah teknikal dan profesional yang bertujuan menolong kaunseli untuk menyelesaikan masalahnya dan menghadapi masalah-masalah itu dengan kaedah-kaedah penyesuaian yang langsung, menolong memahami dirinya, memahami kebolehan dan minatnya, menggalakkannya untuk menerima takdir yang diberi oleh Allah kepadanya. Juga melatihnya mengambil keputusan-keputusannya berpandukan pada syariat sehingga ia sendiri mencari dan mengingini yang halal dan meninggalkan yang haram. Ia juga meletakkan bagi dirinya tujuan-tujuan yang realistik dan halal, menggunakan kebolehan-kebolehan se jauh yang dapat ia kerjakan dan berguna bagi dirinya dan orang lain, dan mendapati aktualisasi dirinya dalam mengerjakan apa yang diredai oleh Allah sehingga ia menikmati kebahagiaan di dunia dan akhirat (Hasan Langgulung, 1990).

Dalam kajian ini, konsep bimbingan dan kaunseling ialah keberkesanan perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelajar.

Keberkesanan di sini bermaksud dapat memenuhi kehendak pelajar atau pelanggan. Memenuhi kehendak pelajar dinilai berdasarkan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan tersebut.

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Di Malaysia, bimbingan dan kaunseling telah memberi perkhidmatan di sekolah hampir 40 tahun. Kepentingan perkhidmatan ini telah mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan dengan perlantikan Kaunselor Sepenuh Masa pada tahun 1996. Perlantikan ini sesuai dengan pendapat Jones (1963), yang menegaskan kaunselor sebagai calon paling layak untuk memikul tugas membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih produktif semata-mata kerana latihan khusus yang diterimanya. Kaunseling di sekolah berfungsi sebagai proses membantu pelajar secara berterusan dan mengenalpasti serta memenuhi keperluan-keperluan pendidikan, pekerjaan, aras-aras peribadi dan sosial mereka. Kaunseling membantu pelajar membina kecekapan membuat keputusan dan merancang masa depan.

Menurut Wrenn (1962), kaunselor sekolah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- Memberi khidmat kaunseling kepada pelajar-pelajar bagi mendapat pemahaman sendiri, membuat keputusan, dan membuat

rancangan-rancangan melalui temuduga ataupun aktiviti-aktiviti kumpulan.

- Mengadakan hubungan dengan kakitangan dan ibu bapa tentang masalah-masalah pemahaman dan pengurusan pelajar.
- Mempelajari perubahan-perubahan perilaku para pelajar dan melakukan pentafsiran secara berterusan terhadap maklumat tersebut bagi kepentingan pentadbiran sekolah serta jawatankuasa pengembangan kurikulum.
- Melaksanakan hubungan dengan sekolah lain termasuk juga sumber-sumber kaunseling masyarakat dan memanfaatkannya bagi kegunaan guru-guru dan para pelajar.

Walaupun demikian, kajian-kajian lalu membuktikan bahawa perkhidmatan ini kurang berkesan untuk membantu dan membimbing pelajar-pelajar. Dengan pelantikan kaunselor sekolah, kajian-kajian baru perlu dilakukan untuk mendapat maklumat-maklumat terkini tentang keberkesanan perkhidmatan tersebut.

Pengkaji akan meninjau kajian-kajian di dalam dan luar negara berdasarkan pembolehubah-pembolehubah berikut:

- Persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- Persepsi pelajar terhadap kaunselor sekolah.

- Persepsi pelajar bandar dan luar bandar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- Persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

2.2 Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Terdapat beberapa penyelidikan telah dilakukan berkaitan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Mazlan Osman (1986), dalam penyelidikan beliau bertajuk 'Pandangan Pelajar-Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling' mendapati bahawa sebahagian besar pelajar tidak menggunakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan sepenuhnya. Didapati 89.1 peratus daripada pelajar-pelajar tidak pernah mendengar tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, 95.2 peratus tidak mengenali guru bimbingan dan kaunseling, 99.3 peratus tidak tahu kedudukan bilik kaunseling dan akibatnya tidak pernah ke bilik bimbingan dan kaunseling. Kawan-kawan adalah individu yang paling popular untuk dijadikan teman berbincang apabila menghadapi masalah.

Symon (1977), dalam kajian beliau berkaitan pendapat dan pandangan pelajar, guru dan pentadbir sekolah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di beberapa buah sekolah menengah di sekitar

Kuala Lumpur, mendapati sebahagian besar pelajar tidak memberi keyakinan sepenuhnya terhadap perkhidmatan tersebut. Kajian Arapan Kolenthi (1982) dalam pembolehubah yang sama, mendapati pelajar-pelajar beranggapan bahawa unit bimbingan dan kaunseling sebagai tidak membawa faedah dan tidak dapat membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Zain Kadir (1983), dalam kajian beliau terhadap pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati 90 peratus menyatakan bahawa mereka tidak mendapat faedah daripada perkhidmatan tersebut ketika berada di bangku sekolah.

Wan Mohd. Khair Wan Chik (1986), dalam kajian beliau terhadap tanggapan pelajar di sebuah sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan mendapati bahawa terdapat tanggapan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah tersebut, tetapi sambutan pelajar terhadap perkhidmatan itu kurang menggalakkan. Ramai di kalangan pelajar tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan. Kebanyakan mereka lebih cenderung berkongsi masalah dengan rakan-rakan.

Rohmat Jusoh (1982), dalam kajian beliau tentang persepsi kaum remaja di sekolah menengah terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, mendapati bahawa pelajar lelaki dan perempuan, pengguna dan bukan pengguna perkhidmatan ini telah menunjukkan persepsi yang berbeza-beza terhadap perkhidmatan ini. Beliau menggunakan kaedah

Repertory Grid. Salehuddin Abd. Wahab (1991), telah menjalankan kajian terhadap 552 pelajar sekolah menengah di daerah Seremban dan tujuh Guru Kanan Bimbingan dan Kaunseling. Beliau mendapati pelajar ingin mengunjungi pusat PBK yang senang ditemui, jauh dari pusat pentadbiran, keadaan fizikalnya baik, suasana sekelilingnya tidak bising serta telap suara.

Penyelidik-penyelidik luar negara telah menjalankan beberapa kajian berkaitan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan ini. Hilfron (1962), dalam kajian tentang sikap dan tanggapan pelajar-pelajar peringkat menengah di Amerika Syarikat terhadap perkhidmatan ini mendapati keputusan yang negatif. Kebanyakan responden yang dikajinya berpendapat khidmat kaunseling adalah suatu perkhidmatan yang tidak sesuai bagi mereka. Benedict, et. al. (1977), dalam kajian mereka mendapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai minat yang kurang dalam menggunakan khidmat pusat bimbingan dan kaunseling. Kebanyakan pelajar menganggap bahawa pusat ini hanya perlu bagi pelajar-pelajar yang lemah sahaja.

Dalam penyelidikan Trotzer (1976) pula, mendapati bahawa para pelajar mempunyai pandangan yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor-kaunselor atau guru bimbingan. Walaupun demikian, terdapat beberapa pandangan yang berbeza telah diberikan oleh pelajar-pelajar. Ini disebabkan perkhidmatan yang dijalankan oleh kaunselor itu sangat luas bidangnya. Smith (1974),

dalam kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Menurutnya, kebanyakan pelajar-pelajar yang bermasalah akan hanya menemui seorang kaunselor yang profesional bagi menyelesaikan masalah yang berkait rapat dengan soal-soal peribadi dan sosial sahaja. Biasanya masalah yang ditimbulkan hanya berkisar pada soal-soal etika.

2.3 Persepsi Pelajar Terhadap Kaunselor Sekolah

Kajian-kajian tempatan berkaitan persepsi pelajar terhadap kaunselor sekolah telah dijalankan oleh beberapa penyelidik. Awang Mat Ali (1979), telah menjalankan kajian tentang sikap pelajar-pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Beliau telah mengkaji sikap 60 responden tahun satu dan tahun empat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar bersikap negatif terhadap peranan perundingcara pelajar dalam erti kata perundingcara kurang berfungsi, malah pelajar-pelajar lebih suka mengadu masalah mereka kepada kawan-kawan daripada perundingcara sendiri.

Dalam kajian Kuan Ah Kan (1985) mendapati, kebanyakan pelajar kurang yakin terhadap kaunselor mereka. Pelajar-pelajar masih belum memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Pelajar takut digelar sebagai "pelajar bermasalah" jika mereka menemui

kaunselor. Pelajar tidak dapat menentukan masalah mereka yang patut dibincangkan dengan kaunselor. Pelajar beranggapan bahawa hanya pelajar yang mempunyai masalah disiplin patut berjumpa kaunselor.

Rohana Zubir (1974) dalam kajian beliau mendapati, kebanyakan pelajar bersetuju bahawa untuk menyelesaikan masalah peribadi adalah lebih baik berbincang dengan ibu bapa dan rakan daripada menemui kaunselor. Pelajar beranggapan bahawa kaunselor hanya sesuai ditemui untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya sahaja dan bukannya soal-soal yang berkaitan peribadi.

Salehuddin Abd. Wahab (1991) dalam kajian beliau mendapati, pelajar-pelajar bersikap positif terhadap kaunselor dan peranan PBK. Mereka ingin menemui kaunselor yang berumur 30 tahun ke atas, profesional, berkecayaan, mempunyai kelapangan masa, sudah berkahwin, sebangsa, sejantina dan seagama dengan mereka. Kaunselor menjadi sumber rujukan utama kepada pelajar yang menghadapi masalah kerjaya, dadah dan disiplin; menjadi sumber rujukan kedua kepada pelajar yang menghadapi masalah memilih mata pelajaran dan sosial serta menjadi sumber rujukan keempat / kelima kepada mereka yang menghadapi masalah pelajaran, peperiksaan, peribadi, keluarga, emosi, agama, teman lelaki dan teman wanita. Beliau merumuskan bahawa bilangan pelajar bermasalah yang menemui kaunselor adalah kecil. Sebilangan mereka lebih suka

menyelesaikan sendiri masalah yang mereka hadapi selain daripada menemui ibu bapa dan rakan rapat.

Wang Chong Peng (1986) dalam kajian beliau mendapati, terdapat kecenderungan pelajar-pelajar meminati kaunselor yang sebangsa dengannya dan yang memiliki ijazah. Azhari Tauhid (1985) dalam kajian beliau mendapati, antara ciri-ciri kaunselor yang dipilih ialah jantina yang serupa, bersikap ramah, bertimbang rasa, aktif dan berpakaian kemas.

Kajian-kajian yang berkaitan juga telah dijalankan di luar negara. Wiggins dan Moody (1987) mendapati, adanya kaitan langsung antara penilaian pelajar terhadap program kaunseling dan tugas-tugas kaunselor. Kaunselor yang menggunakan banyak masa dalam memberi perkhidmatan kepada pelajar-pelajar secara individu mahupun kumpulan dinilai sangat berkesan. Strong dan Sheet (1968) pula mendapati, tanggapan pelajar sekolah terhadap kaunselor bagi membantu mereka dalam bidang akademik adalah kecil jika dibandingkan dengan pensyarah di institusi pengajian tinggi. Pelajar berpendapat hanya pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi sahaja yang sesuai untuk membincangkan perkara-perkara akademik dan bukannya kaunselor di sekolah mereka.

Dalam kajian Rowe (1989) mendapati, pelajar-pelajar memandang kaunselor lebih sebagai penasihat. Masalah-masalah yang bersifat peribadi

tidak pernah dibincangkan. Sebahagian pelajar menyatakan berbincang dengan kaunselor paling banyak dua kali selama mereka belajar di sekolah menengah. Pelajar-pelajar menyatakan yang mereka lebih mesra atau lebih dekat dengan guru-guru mata pelajaran serta pengetua sekolah. Di samping itu mereka juga beranggapan bahawa rakan-rakan dan ibu bapa lebih sering memberi pertolongan. Snyder, et. al. (1972), memperolehi dapatan yang sama di mana kebanyakan pelajar lebih suka merujuk kepada pihak-pihak lain daripada kaunselor bagi menyelesaikan masalah peribadi dan sosial, merujuk kepada rakan-rakan adalah sebagai pilihan utama. Sekiranya rakan-rakan tidak dapat membantu, mereka akan merujuk kepada saudara mara yang rapat. Berjumpa dengan kaunselor hanyalah sebagai pilihan yang terakhir.

Form (1953), telah melakukan tinjauan pendapat pelajar berkaitan ciri-ciri kaunselor. Ciri-ciri tersebut merangkumi pembolehubah-pembolehubah seperti ketulusan, keperibadian, minat terhadap seseorang, pengetahuan kerjaya, kebolehan profesional dan kesedaran had seseorang. Kajian beliau mendapati keseluruhan pelajar menunjukkan sikap yang positif. Apa yang lebih menarik terdapat pelajar-pelajar yang bukan sebagai pengguna pusat kaunseling tetapi mengetahui maklumat tersebut melalui rakan-rakannya, banyak yang bersikap positif.

2.4 Persepsi Pelajar Bandar dan Luar Bandar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Merujuk kepada kajian-kajian tentang persepsi pelajar bandar dan luar bandar terhadap perkhidmatan tersebut, Zulkifli Ismail (1985), dalam kajian beliau terhadap 19 buah sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar daerah Muar, Johor mendapati bahawa perkhidmatan tersebut tidak dapat memainkan peranan sepenuhnya bagi membimbing dan membantu pelajar. Kegagalan tersebut disebabkan guru yang ditugaskan tidak berminat terhadap peranannya sebagai kaunselor. Kedua, kebanyakan kaunselor di sekolah-sekolah berkenaan tidak mendapat latihan secukupnya bagi mengendalikan perkhidmatan tersebut.

Zulmahari Merawi (1990) telah menjalankan kajian terhadap empat buah sekolah menengah di daerah Bau dan daerah Lundu, Bahagian Kucing, Sarawak. Dapatan beliau menunjukkan tidak terdapat perbezaan tanggapan yang ketara antara pelajar-pelajar sekolah menengah bandar dan luar bandar, terhadap peranan-peranan am guru bimbingan dan kaunseling dalam hal yang berikut: sebagai pemimpin dalam memberi perkhidmatan peribadi kepada pelajar; memastikan bahawa tugas-tugas pentadbiran sekolah tidak diberikan kepadanya dan melibatkan diri secara aktif dalam mendisiplin pelajar.

Kajian Mohd. Soder Rahmad (1985) terhadap pelajar di salah sebuah sekolah menengah di bandar Kelang, Selangor, mendapati bahawa pelajar-pelajar bersikap positif terhadap perkhidmatan tersebut. Dapatan kajian ini juga menunjukkan faktor jantina, umur dan lama masa berada di sekolah tidak memberi sumbangan bermakna dalam mempengaruhi tanggapan pelajar terhadap perkhidmatan tersebut.

Kajian Ang Huat Bin (1985) terhadap pelajar-pelajar di sebuah sekolah kawasan bandar di Teluk Intan, Perak, mendapati bahawa sebahagian besar responden mempunyai tanggapan yang positif terhadap perkhidmatan ini. Dapatan kajian ini juga, menunjukkan 65 peratus pelajar bersetuju menyatakan perkhidmatan tersebut boleh mendatangkan faedah yang besar kepada pelajar.

Sehubungan itu, terdapat perbezaan dapatan antara kajian-kajian tersebut dengan kajian Norpah Darus (1982). Norpah Darus dalam kajian beliau tentang sumber-sumber persepsi dan jangkaan pelajar terhadap peranan kaunselor di sebuah sekolah di bandar Kajang, Selangor, merumuskan bahawa pelajar-pelajar di kawasan bandar masih kurang memanfaatkan perkhidmatan tersebut. Keadaan ini berpunca daripada kurangnya kefahaman pelajar terhadap konsep, falsafah dan peranan perkhidmatan tersebut. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohd. Seni Hussin (1982), yang mendapati pelajar-pelajar mempunyai pandangan yang negatif

terhadap peranan perkhidmatan tersebut. Beliau telah membuat kajian di sekolah kawasan luar bandar, Selangor.

Di luar negara, kajian-kajian yang sama juga telah dilakukan. Julius (1954) telah membuat kajian di 28 buah Sekolah Tinggi Katholik di Amerika Syarikat dengan 15,109 responden. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar lebih berminat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh perkhidmatan tersebut jika dibandingkan dengan di kawasan luar bandar.

Graff dan Warner (1966), telah membuat kajian di 20 buah sekolah di kawasan bandar dan pinggir bandar, barat New York, Amerika Syarikat. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan bandar lebih menunjukkan sikap positif terhadap perkhidmatan tersebut jika dibandingkan dengan kawasan pinggir bandar.

2.5 Persepsi Pelajar Berdasarkan Jantina Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Siti Norhayati Harun (1983), telah membuat kajian berkaitan perbezaan sikap pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terhadap unit kaunseling di sebuah institusi pengajian tinggi di negara ini. Dapatan menunjukkan tidak wujud perbezaan sikap yang ketara terhadap unit

tersebut. Dapatan ini meliputi pelajar yang tidak pernah menggunakan perkhidmatan unit tersebut.

Zulmahari Merawi (1990), telah menjalankan kajian terhadap 188 pelajar lelaki dan 212 pelajar perempuan sekolah menengah di daerah Bau dan daerah Lundu, Bahagian Kucing, Sarawak. Dapatan beliau menunjukkan tidak terdapat perbezaan tanggapan yang ketara antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terhadap peranan-peranan am guru bimbingan dan kaunseling yang meliputi; sebagai pemimpin dalam memberi perkhidmatan peribadi kepada pelajar; bekerjasama dengan pelajar-pelajar, kakitangan-kakitangan sekolah, ibu-ibu bapa dan orang awam, memastikan bahawa tugas-tugas pentadbiran sekolah tidak diberikan kepadanya; menumpukan tugasnya kepada memberi bimbingan dan kaunseling sahaja; memperluas dan memperdalamkan pengetahuan serta kemahiran dalam profesionnya; melibatkan diri secara aktif dalam mendisiplin pelajar; dan memberi penekanan yang lebih kepada bimbingan kerjaya daripada program-program bimbingan yang lain.

Symon (1977), telah membuat kajian terhadap 280 pelajar lelaki dan perempuan di 4 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki lebih bersikap positif terhadap program yang dijalankan oleh perkhidmatan tersebut berbanding dengan pelajar perempuan. Dapatan juga menunjukkan pelajar lelaki lebih kerap berjumpa

dengan kaunselor dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh perkhidmatan tersebut.

Kajian Mohd Seni (1982) terhadap sikap pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang berbilang kaum di kawasan luar bandar mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terhadap perkhidmatan tersebut iaitu mempunyai sikap yang negatif. Kajian Arapan (1982) mendapati, pelajar perempuan lebih bersikap positif terhadap perkhidmatan tersebut jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Rohmat Jusoh (1982) dalam kajian beliau mendapati, ada perbezaan tanggapan antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terhadap perkhidmatan tersebut.

Dalam kajian yang sama di luar negara, Schultz (1963) mendapati, pelajar-pelajar lelaki mempunyai sikap yang positif terhadap kaunselor berbanding perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar lelaki lebih kerap berjumpa kaunselor berbanding perempuan. Beliau membuat kajian ini di beberapa buah sekolah di Amerika Syarikat. Sementara itu, Simon dan Helms (1976) mendapati pelajar perempuan lebih cenderung berjumpa dengan kaunselor perempuan jika dibandingkan dengan kaunselor lelaki.

2.6 Kesimpulan

Meninjau kajian-kajian lalu, terdapat pelbagai pembolehubah kajian telah dilakukan tentang persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian-kajian tersebut berkaitan persepsi terhadap perkhidmatan, persepsi terhadap kaunselor, perbezaan persepsi antara pelajar bandar dan luar bandar, jantina, tingkatan, hubungan dengan pendapatan ibu bapa dan sebagainya. Kajian-kajian tersebut menunjukkan terdapat perbezaan persepsi daripada responden-responden kajian terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.

Herr (1986) dalam membincangkan persoalan perbezaan persepsi terhadap imej kaunselor menyatakan, adalah sukar bagi kaunselor sekolah untuk bebas daripada pengharapan yang berbagai-bagai di tempat ia bertugas. Schneiderman (1965) dalam membincangkan persoalan perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar, di mana pelajar luar bandar lebih bersikap negatif terhadap perkhidmatan tersebut dan berpendapat banyak ciri-ciri taraf sosioekonomi rendah yang menghalang kepada keberkesanan klien berfungsi dalam masyarakat sebagai akibat persekitaran yang miskin. Beliau menyarankan supaya kaunselor menyedari persekitaran klien mereka dan bekerja dengan rangka kerja yang bertolak dari suasana miskin tersebut terutamanya pada peringkat permulaan proses kaunseling. Sehubungan itu, Gordon (1964) pula

berpendapat, kaunselor hendaklah mengambil tanggungjawab memajukan persekitaran dan lebih menggunakan rangka kerja kaunseling secara tradisional dengan klien-klien mereka.

Kajian Hahn (1953), mendapati adanya perbezaan-perbezaan persepsi yang berlaku terhadap kaunseling disebabkan adanya tiga kelompok penyokong yang masing-masing mempunyai kesan perseptual yang tersendiri. Pertama, kelompok yang menyokong gerakan keselamatan sosial. Kedua, kelompok yang berorientasikan pada pemulihan. Ketiga, kelompok yang mengutamakan pentadbiran personelia pelajar.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah penyelidikan. Pengkaji menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara berikut iaitu, rekabentuk kajian, sumber data, lokasi kajian, persampelan, tatacara pengumpulan data, pembolehubah, soal selidik, kajian rintis dan penganalisan data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini tentang persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (PBK) di sekolah menengah. Rekabentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan deskriptif. Kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik atau media-media lain (Van Dalen, 1979). Fenomena ini dikenalpasti melalui soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar. Melalui soal selidik tersebut, suatu penganalisan dan rumusan tentang persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dilakukan. Soal selidik dibentuk berdasarkan skala Likert.

3.3 Sumber Data

Data-data dalam kajian ini diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Data yang diperolehi daripada sumber primer adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima sekolah menengah yang dipilih secara rawak. Manakala sumber sekunder pula berdasarkan kepada rujukan kepustakaan seperti buku, jurnal, kertas kerja, majalah, buletin dan sebagainya.

3.4 Lokasi Kajian

Jadual 3.1
Lokalti Sekolah dan Jantina

Nama Sekolah	Lokasi	Jantina
Sek. Men. Kebg. Tunku Abdul Malik	Bandar	Lelaki dan Perempuan
Sek. Men. Kebg. Tunku Abdul Rahman	Bandar	Lelaki dan Perempuan
Sekolah Menengah Teknik	Bandar	Lelaki dan Perempuan
Sek. Men. Kebg. Jabi	Luar bandar	Lelaki dan Perempuan
Sek. Men. Kebg. Muazam Shah	Luar bandar	Lelaki dan Perempuan
Sek. Men. Kebg. Alor Jangus	Luar bandar	Lelaki dan Perempuan

Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah

Menengah Kebangsaan Jabi, Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Janggus dan Sekolah Menengah Kebangsaan Muazam Shah (lihat jadual 3.1).

Sekolah-sekolah tersebut dipilih untuk dijadikan sampel kajian kerana memenuhi beberapa kriteria. Pertama, dari segi lokaliti sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman dan Sekolah Menengah Teknik dikategorikan sebagai sekolah bandar kerana terletak dalam lingkungan 3 kilometer hingga 6 kilometer dari bandar Alor Setar. Sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Janggus dan Sekolah Menengah Kebangsaan Muazam Shah dikategorikan sebagai sekolah luar bandar kerana terletak dalam lingkungan 15 kilometer hingga 17 kilometer dari bandar Alor Setar.

Kedua, sekolah-sekolah tersebut terletak di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Ketiga, dari segi status sekolah-sekolah tersebut dikategorikan sebagai sekolah gred A. Keempat, dari segi jantina sekolah-sekolah yang dipilih adalah sekolah campuran dan menyediakan peringkat pendidikan untuk tingkatan lima.

Kelima, sekolah-sekolah tersebut mempunyai kemudahan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang lengkap. Lengkap dalam konteks ini dilihat dari segi:

- Mempunyai kaunselor sekolah yang terlatih dan dibantu oleh jawatankuasa unit bimbingan dan kaunseling untuk mengendalikan perkhidmatan tersebut.
- Mempunyai sebuah bilik khas yang lengkap dengan maklumat-maklumat program, kegiatan perkhidmatan, jadual, carta, gambar-gambar, buku rekod temubual dengan pelajar, maklumat pengajian tinggi, maklumat bidang kerjaya dan maklumat-maklumat berkaitan.

3.5 Persampelan

Jumlah pelajar tingkatan lima di 33 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar ialah 5,721 pelajar (Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar : Taksiran Februari 1998). Oleh itu, kajian ini memilih 368 sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan lima di enam buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Menurut Uma Sekaran (1992), 360 sampel cukup untuk mewakili 5,000 hingga 6,000 populasi.

Kesemua soal selidik yang diedarkan diterima iaitu 100 peratus. Menurut Mohd. Majid Konting (1990), dapatan soal selidik yang melebihi daripada 80% akan tetap menjamin keesahan dan kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian. Ini bererti dapatan kajian ini mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Daripada bilangan tersebut, 50% (n=184) adalah terdiri daripada responden bandar dan 50% (n=184) adalah responden luar bandar. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi pelajar bandar dengan luar bandar. Taburan responden mengikut lokaliti ini ditunjukkan dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2
Taburan Responden Mengikut Lokaliti

Lokaliti	Peratusan	Bilangan
Bandar	50	184
Luar Bandar	50	184
Jumlah	100	368

Bilangan tersebut terdiri daripada 50% (n=184) responden lelaki dan 50% (n=184) responden perempuan. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi pelajar lelaki dengan perempuan. Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3
Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Peratusan	Bilangan
Lelaki	50	184
Perempuan	50	184
Jumlah	100	368

Dari segi lokaliti mengikut jantina 25% (n=86) adalah responden lelaki bandar dan 25% (n=86) dan 25% (n=86) adalah responden lelaki luar bandar. Jumlah responden perempuan terdiri daripada 25% (n=86) bandar dan 25% (n=86) luar bandar. Taburan responden mengikut jantina dan lokaliti ditunjukkan dalam jadual 3.4

Jadual 3.4
Taburan Responden Mengikut Jantina dan Lokaliti

Jantina	Lokaliti	Peratus	Bilangan
Lelaki	Bandar	25	86
	L/Bandar	25	86
Perempuan	Bandar	25	86
	L/Bandar	25	86
Jumlah		100	368

Jumlah responden tersebut dipilih daripada enam buah sekolah. Tiga buah sekolah terletak di bandar dan tiga buah sekolah terletak di luar bandar. Taburan responden dari sekolah bandar ialah Sekolah Menengah

Kebangsaan Tunku Abdul Malik sebanyak 17.4% (n=64) yang terdiri daripada 8.7% (n=32) responden lelaki dan 8.7% (n=32) responden perempuan. Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman, 16.3% (n=60) yang terdiri daripada 8.15% (n=30) responden lelaki dan 8.15% (n=30) responden perempuan. Sekolah Menengah Teknik, 16.3% (n=60) yang terdiri daripada 8.15% (n=30) responden lelaki dan 8.15% (n=30) responden perempuan.

Jadual 3.5
Taburan Responden Mengikut Lokaliti, Sekolah dan Jantina

Lokaliti	Sekolah Menengah Kebangsaan	Bilangan	Jantina		J/Jantina		Jumlah
			L	P	L	P	
Bandar	Tunku Abdul Malik	64 (17.4)	32 (8.7)	32 (8.7)			
	Tunku Abdul Rahman	60 (16.3)	30 (8.15)	30 (8.15)			
	Teknik	60 (16.3)	30 (8.15)	30 (8.15)	92 (25)	92 (25)	184 (50)
Luar Bandar	Jabi	64 (17.4)	32 (8.7)	32 (8.7)			
	Alor Janggus	60 (16.3)	30 (8.15)	30 (8.15)			
	Muazam Shah	60 (16.3)	30 (8.15)	30 (8.15)	92 (25)	92 (25)	184 (50)
Jumlah	6	368 (100)	184 (50)	184 (50)	184 (50)	184 (50)	368 (100)

Taburan responden dari luar bandar ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, 17.4% (n=64) yang terdiri daripada 8.7% (n=32) responden lelaki dan 8.7% (n=32) responden perempuan. Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Jangus, 16.3% (n=60) yang terdiri daripada 8.15% (n=30) responden lelaki dan 8.15% (n=30) responden perempuan. Sekolah Menengah Kebangsaan Muazam Shah, 16.3% (n=60) yang terdiri daripada 8.15% (n=30) responden lelaki dan 8.15% (n=30) responden perempuan. Menurut Uma Sekaran (1992) jumlah sampel yang diambil bagi sesuatu tempat untuk tujuan perbandingan persepsi dari segi jantina mestilah tidak kurang daripada 30 lelaki dan 30 perempuan. Taburan responden mengikut lokaliti, sekolah dan jantina ditunjukkan dalam jadual 3.5.

Pengkaji memilih responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan lima sahaja. Ini disebabkan faktor-faktor berikut:

- Pelajar yang telah lama berada di alam persekolahan dan dapat memberi persepsi yang adil.
- Pelajar yang perlu mendapat perhatian pihak sekolah kerana akan menduduki peperiksaan SPM.
- Pelajar yang perlu diberi perkhidmatan bimbingan dalam aspek peningkatan akademik.

- Pelajar yang perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi dan bidang kerjaya.

3.6 Tatacara Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan mengikut tiga peringkat prosedur supaya penyelidikan dapat dijalankan secara sempurna dan berkesan. Peringkat pertama, pengkaji mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman, Kementerian Pendidikan Malaysia (dilampirkan).

Peringkat kedua, mendapat kebenaran pengetua-pengetua sekolah yang pelajar-pelajarnya menjadi responden kajian. Dalam peringkat ini terdapat prosedur-prosedur tertentu yang dilakukan oleh pengkaji. Prosedur-prosedur tersebut adalah seperti berikut:

- Bertemu pengetua-pengetua setiap sekolah yang dipilih dan menerangkan tentang tujuan serta cara kajian dijalankan.
- Meminta kerjasama supaya kajian dapat dijalankan dengan sempurna.
- Membuat temujanji tentang masa dan tarikh kajian dapat dijalankan supaya pihak sekolah dapat menyediakan tempat dan responden.

- Meminta pihak pengetua memilih dan menetapkan responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan lima, 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan, pelbagai tingkat kecerdasan dan pelbagai kaum.

Peringkat ketiga, menjalankan kajian terhadap responden berdasarkan langkah-langkah berikut:

- Mengumpul responden dalam satu bilik darjah.
- Meminta kerjasama daripada pihak sekolah untuk meninggalkan responden-responden bersama pengkaji.
- Menerangkan dengan jelas kepada responden bahawa kajian ini bukanlah peperiksaan dan semua persetujuan yang diberikan dianggap betul.
- Meminta responden menjawab dengan ikhlas dan jujur untuk membantu meningkatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- Menjelaskan bahawa segala maklumat dan jawapan responden adalah rahsia terutamanya kepada pengetua, kaunselor dan guru-guru.
- Responden tidak perlu menulis nama.
- Responden hanya perlu membulatkan nama sekolah, jantina dan persetujuan yang dipilih.

- Responden diminta dengan ikhlas dan amanah memilih satu persetujuan yang tepat berdasarkan pernyataan mengikut persepsi responden.
- Responden diberi masa 1 jam dan jika perlu boleh menggunakan masa yang lebih.
- Pengedaran soal selidik dan pengawalan dijalankan oleh pengkaji sendiri untuk mewujudkan suasana yang selesa kepada responden.
- Semasa menjawab soal selidik, responden tidak dibenarkan berbincang atau meniru.

Setelah selesai menjalankan soal selidik, pengkaji mengucapkan penghargaan kepada pengetua sekolah, responden-responden dan semua pihak yang membantu.


3.7 Pembolehubah

Kajian ini terdiri daripada dua pembolehubah iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas adalah jantina dan lokaliti sekolah. Pembolehubah bebas jantina terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Sementara pembolehubah bebas lokaliti terdiri daripada bandar dan luar bandar.

Pembolehubah bersandar pula berdasarkan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Terdapat tujuh pembolehubah bersandar iaitu persepsi pelajar terhadap PBK dalam pembolehubah berikut :

- Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK.
- Personaliti kaunselor sekolah.
- Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar.
- Bimbingan peningkatan akademik.
- Bimbingan ke IPT.
- Bimbingan kerjaya.
- Keyakinan pelajar terhadap PBK.

Model 3.1 :
Model Persepsi Pelajar Terhadap PBK Di Sekolah



3.8 Soal Selidik

Dalam kajian ini terdapat tiga bahagian soal selidik, iaitu bahagian muka hadapan, bahagian A dan bahagian B. Pada bahagian muka hadapan diterangkan tentang tujuan penyelidikan, tajuk penyelidikan, kerahsiaan maklumat penyelidikan, keperluan maklumat yang jujur dan ikhlas serta ucapan penghargaan.

Dalam bahagian A, soal selidik adalah tentang maklumat sekolah dan jantina responden. Sekolah-sekolah yang dipilih secara rawak dan kod sekolah adalah seperti jadual 3.6.

Jadual 3.6 :
Nama Sekolah dan Kod

Nama Sekolah	Kod
Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik	1
Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman	1
Sekolah Menengah Teknik	1
Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi	2
Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Jangus	2
Sekolah Menengah Kebangsaan Muazam Shah	2

Dari segi jantina pula, ditetapkan lelaki menggunakan kod 1 dan perempuan kod 2.

Dalam bahagian B, terdapat arahan-arahan untuk menjawab soalan. Pelajar hanya perlu membulatkan persetujuan (jawapan) kepada pernyataan yang dikemukakan berdasarkan 4 kategori iaitu skala 1 hingga 4 seperti jadual 3.7.

Jadual 3.7:
Kod dan Kategori Persetujuan

Kod	Kategori
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Setuju
4	Sangat setuju

Di samping itu, terdapat soal selidik tentang persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Terdapat tujuh pembolehubah di mana tiap-tiap satu pembolehubah mempunyai empat item yang positif atau negatif dalam bentuk pernyataan persetujuan. Jumlah keseluruhan item dalam soal selidik ialah 28 item. Tujuh pembolehubah persepsi dan jumlah item bagi setiap pembolehubah adalah:

- | | |
|---|--------|
| 1. Kesselesaian dan kemudahan fizikal bilik PBK | 4 item |
| 2. Personaliti kaunselor sekolah | 4 item |
| 3. Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar | 4 item |
| 4. Bimbingan peningkatan akademik | 4 item |
| 5. Bimbingan ke IPT | 4 item |
| 6. Bimbingan kerjaya | 4 item |
| 7. Keyakinan pelajar terhadap PBK | 4 item |

Penyusunan item-item tersebut dalam soal selidik adalah seperti jadual 3.8.

Jadual 3.8 :
Susunan Item-item Berdasarkan Kategori Persepsi

Kategori Persepsi	Nombor Item			
1	1	2	3	4
2	5	6	7	8
3	9	10	11	12
4	13	14	15	16
5	17	18	19	20
6	21	22	23	24
7	25	26	27	28
JUMLAH	7	28		

Dalam soal selidik ini terdapat 16 item positif dan 12 item negatif. Susunan item-item positif dan negatif mengikut pembolehubah persepsi ditunjukkan dalam jadual 3.9.

Jadual 3.9 :
Item Positif dan Negatif Bagi Setiap Kategori Pembolehubah

Pembolehubah	Item	
	Positif	Negatif
1	1, 3 & 4	2
2	5, 6 & 8	7
3	9	10, 11 & 12
4	13 & 15	14 & 16
5	17 & 18	19 & 20
6	21, 22 & 23	24
7	25 & 27	26 & 28
7	16	12
JUMLAH	28	

3.9 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan untuk memastikan ketekalan dan kebolehpercayaan item yang telah diterjemah dan diubahsuai dari Alimuddin (1988), Abas (1991) dan Tan Juat Ngoh (1988).

Kajian rintis dilakukan terhadap draf soal selidik untuk menilai sekiranya terdapat kelemahan atau masalah yang akan dihadapi oleh responden. Kajian rintis dilakukan di Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani Dua, Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Seramai 40 responden yang terdiri daripada 20 lelaki dan 20 perempuan daripada pelajar tingkatan lima digunakan dalam kajian rintis ini.

Pengkaji menggunakan *Cronbach Alpha* untuk menguji ketekalan dan kebolehpercayaan soalan-soalan yang dibina. *Cronbach Alpha* mampu menunjukkan kesesuaian hubungan (reliability coefficient) item-item sebagai satu set soalan. Menurut Uma Sekaran (1992), semakin hampir nilai Alpha kepada angka 1, maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaan item-item yang dibina. Nilai Alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah. Nilai Alpha 0.7 boleh diterima manakala nilai Alpha melebihi 0.8 dianggap baik. Sehubungan itu, nilai Alpha untuk kajian ini adalah 0.8408.

3.10 Analisis Data

Data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan menggunakan Program *Statistical Package For Social Science (SPSS PC) Win Ver 6.0*. Manakala untuk menganalisis data pula, pengkaji menggunakan kaedah deskriptif iaitu melalui taburan kekerapan, peratusan dan skor min. Pengiraan taburan kekerapan dan peratusan digunakan untuk mendapat gambaran persepsi, pemahaman dan pendapat pelajar. Sementara itu, penganalisan statistik inferens iaitu Ujian-t digunakan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas iaitu lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dan jantina (lelaki dan perempuan).

BAB EMPAT

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan maklumat-maklumat yang telah dianalisis berdasarkan maklum balas responden melalui soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dan dinyatakan dapatannya. Perbincangan tertumpu kepada menjawab soalan kajian iaitu:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (PBK) di sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar kawasan bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK di sekolah menengah?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar lelaki dengan perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK di sekolah menengah?

Perbincangan dilaporkan dalam dua bentuk. Bentuk pertama menggunakan analisis deskriptif iaitu taburan kekerapan, peratusan skor dan skor min untuk pembolehubah setiap item. Pengkaji menggunakan purata skor min bagi menentukan tahap-tahap skor dalam min bagi pembolehubah-

pembolehubah. Penggunaan bentuk ini bertujuan untuk melihat persepsi keseluruhan responden iaitu pelajar lelaki dan perempuan yang belajar di bandar dan luar bandar terhadap pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Persepsi keseluruhan responden dirumuskan sebagai positif sekiranya 62.5 peratus atau lebih peratusan skor terhadap pembolehubah yang dikaji. Ini bererti skor min yang diperolehi adalah di antara 2.5 hingga 4.0. Bentuk ini digunakan untuk menjawab soalan kajian satu.

Bentuk kedua menggunakan analisis inferensi untuk menentukan penerimaan atau penolakan hipotesis kajian. Hipotesis nul diuji dengan menggunakan analisis statistik Ujian-t. Tujuannya untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan persepsi antara kedua-dua kumpulan responden terhadap pembolehubah yang dikaji. Hipotesis diterima apabila ianya signifikan pada nilai $p < 0.05$ atau keyakinan 95%. Bentuk ini digunakan untuk menjawab soalan kajian dua dan tiga.

4.2 Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK

Data yang dilaporkan ini bertujuan menjawab soalan kajian satu iaitu 'Apakah persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK di sekolah menengah?' Terdapat tujuh pembolehubah yang dikemukakan dalam soal selidik untuk menganalisis maklum balas persepsi responden. Pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah persepsi responden terhadap:

1. Kesselesaian dan kemudahan fizikal bilik PBK.
2. Personaliti kaunselor sekolah.
3. Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar.
4. Bimbingan peningkatan akademik.
5. Bimbingan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).
6. Bimbingan kerjaya.
7. Keyakinan pelajar terhadap PBK.

Terdapat 4 item (pernyataan) yang dikemukakan dalam setiap pembolehubah tersebut untuk mendapatkan maklumat persepsi responden. Maklum balas tahap persetujuan responden dianalisis untuk mengenalpasti taburan persepsi skala persetujuan responden.

4.2.1 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Kesselesaian dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Kesselesaian dan Kemudahan Fizikal bilik PBK' ditunjukkan dalam jadual 4.1. Jadual 4.1 menunjukkan bahawa skala persetujuan untuk item 3 adalah 1.1% (4) sangat tidak setuju, 11.1% (41) tidak setuju, 63.0% (232) setuju dan 24.7% (91) responden sangat setuju. Skor min adalah 3.114 atau 77.85%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Bilik PBK bersih, ceria dan menarik' adalah positif.

Jadual 4.1
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah
Kemudahan dan Keselesaan Fizikal Bilik PBK

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
3	Bilik PBK bersih, ceria dan menarik.	1.1 (4)	11.1 (41)	63.0 (232)	24.7 (91)	3.114
4	Bilik PBK terletak di sudut yang tidak sesuai.	26.1 (96)	41.6 (153)	20.9 (77)	11.4 (42)	2.823
5	Bilik PBK dapat mewujudkan perasaan terselamat, istirahat dan keadaan tersendiri.	1.6 (6)	12.5 (46)	54.6 (201)	31.3 (115)	3.155
6	Bilik PBK terletak di tempat yang sunyi dan harmoni.	6.3 (23)	13.3 (49)	36.1 (133)	44.3 (163)	3.185
Pemb.	Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK	Purata Skor Min				3.069

Petunjuk :

- STS = Sangat tidak setuju
- TS = Tidak setuju
- S = Setuju
- SS = Sangat setuju
- () = Bilangan kekerapan
- Min > 2.5 = Positif
- Min < 2.5 = Negatif
- Pemb. = Pembolehubah

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa skala persetujuan untuk item 4 adalah 26.1% (96) responden sangat tidak setuju, 41.6% (153) tidak setuju, 20.9% (77) setuju dan 11.4% (42) sangat setuju. Skor min adalah 2.823 atau 70.58%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'bilik PBK terletak di sudut yang tidak sesuai' adalah negatif. Ini bermaksud, bilik PBK terletak di sudut yang sesuai.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa skala persetujuan untuk item 5 adalah 1.6% (6) sangat tidak setuju, 12.5% (46) tidak setuju, 54.6% (201) setuju dan 31.3% (115) sangat setuju. Skor min adalah 3.155 atau 78.86%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Bilik PBK dapat mewujudkan perasaan terselamat, istirahat dan keadaan tersendiri' adalah positif.

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa skala persetujuan untuk item 6 adalah 6.3% (23) sangat tidak setuju, 13.3% (49) tidak setuju, 36.1% (133) setuju dan 44.3% (163) sangat setuju. Skor min adalah 3.185 atau 79.63%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Bilik PBK terletak di tempat yang sunyi dan harmoni' adalah positif.

Berdasarkan jadual 4.1 dapat rumuskan bahawa min untuk pernyataan-pernyataan item 3, 4, 5 dan 6 adalah di antara 2.823 hingga 3.185. Pernyataan item 6 mendapat persetujuan tertinggi (3.185) dan diikuti pernyataan item 5 (3.155), item 3 (3.114) dan item 4 (2.823). Purata skor min untuk keempat-empat pernyataan tersebut adalah 3.069 atau 76.73%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK' adalah positif.

4.2.2 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Personaliti Kaunselor Sekolah

Jadual 4.2
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Personaliti Kaunselor Sekolah

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
7	Kaunselor mengamalkan perkhidmatan pelanggan yang baik.	3.8 (14)	10.1 (37)	53.5 (197)	32.6 (120)	3.149
8	Kaunselor memang bersikap jujur terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar.	1.6 (6)	9.5 (35)	51.4 (189)	37.5 (138)	3.247
9	Kaunselor tidak berminat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh pelajar.	46.2 (170)	40.8 (150)	9.5 (35)	3.5 (13)	3.296
10	Kaunselor merahsiakan perkara peribadi yang diceritakan oleh pelajar.	3.0 (11)	15.5 (57)	52.2 (192)	29.3 (108)	3.079
Pemb.	Personaliti Kaunselor Sekolah	Purata Skor Min				3.193

Petunjuk : STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju
 () = Bilangan kekerapan
 Min > 2.5 = Positif
 Min < 2.5 = Negatif
 Pemb. = Pembolehubah

Data taburan responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Personaliti Kaunselor Sekolah' ditunjukkan dalam jadual 4.2. Jadual 4.2 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 7 adalah 3.8% (14) sangat tidak setuju, 10.1% (37) tidak setuju, 53.5% (197)

setuju dan 32.6% (120) sangat setuju. Skor min adalah 3.149 atau 78.73%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Kaunselor mengamalkan perkhidmatan yang baik' adalah positif.

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 8 adalah 1.6% (6) sangat tidak setuju, 9.5% (35) tidak setuju, 51.4% (189) setuju dan 37.5% (138) sangat setuju. Skor min adalah 3.247 atau 81.18%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Kaunselor bersikap jujur terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar' adalah positif.

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 9 adalah 46.2% (170) sangat tidak setuju, 40.8% (150) tidak setuju 9.5% (35) setuju dan 3.5% (13) sangat setuju. Skor min adalah 3.296 atau 82.40%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Kaunselor tidak berminat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh pelajar' adalah negatif. Ini bermaksud, kaunselor berminat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 10 adalah 3.0% (11) sangat tidak setuju, 15.5% (57) tidak setuju, 52.2% (192) setuju dan 29.3% (108) sangat setuju. Skor min adalah 3.079 atau 76.98%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap

pernyataan 'Kaunselor merahsiakan perkara peribadi yang diceritakan oleh pelajar' adalah positif.

Berdasarkan jadual 4.2 dapat dirumuskan bahawa min untuk pernyataan-pernyataan tersebut adalah di antara 3.079 hingga 3.296. Pernyataan item 9 mendapat persetujuan tertinggi (3.296) dan diikuti pernyataan item 8 (3.247), item 7 (3.149) dan item 10 (3.079). Purata skor min untuk keempat-empat pernyataan tersebut adalah 3.193 atau 79.83%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Personaliti Kaunselor Sekolah' adalah positif.

4.2.3 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah kaunselor menyelesaikan masalah pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.3. Jadual 4.3 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 11 adalah 4.3% (16) sangat tidak setuju, 16.0% (59) tidak setuju, 45.7% (168) setuju dan 34.0% (125) sangat setuju. Skor min adalah 3.092 atau 77.30%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Pelajar perlu berjumpa kaunselor jika menghadapi masalah peribadi' adalah positif.

Jadual 4. 3
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah
Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Jumlah
		STS	TS	S	SS	
11	Pelajar perlu berjumpa kaunselor jika menghadapi masalah peribadi.	4.3 (16)	16.0 (59)	45.7 (168)	34.0 (125)	3.092
12	Berbincang dengan keluarga adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor apabila menghadapi masalah peribadi.	2.7 (10)	24.2 (89)	44.8 (165)	28.3 (104)	2.014
13	Malu berjumpa kaunselor untuk meminta pertolongan bagi menyelesaikan masalah.	14.1 (52)	32.1 (118)	39.7 (146)	14.1 (52)	2.462
14	Meminta pertolongan rakan-rakan adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor apabila menghadapi masalah.	19.8 (73)	41.8 (154)	25.8 (95)	12.5 (46)	2.690
Pemb.	Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar	Purata Skor Min				2.565

Petunjuk :

STS	= Sangat tidak setuju
TS	= Tidak setuju
S	= Setuju
SS	= Sangat setuju
()	= Bilangan kekerapan
Min > 2.5	= Positif
Min < 2.5	= Negatif
Pemb.	= Pembolehubah

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 12 adalah 2.7% (10) sangat tidak setuju, 24.2% (89) tidak setuju, 44.8% (165) setuju dan 28.3% (104) sangat setuju. Skor min adalah 2.014 atau 50.35%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Berbincang dengan keluarga adalah lebih baik daripada

berjumpa kaunselor jika menghadapi masalah peribadi' adalah positif. Ini bermaksud, berbincang dengan kaunselor lebih baik daripada berjumpa keluarga jika menghadapi masalah.

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 13 adalah 14.1% (52) sangat tidak setuju, 32.1% (118) tidak setuju, 39.7% (146) setuju dan 14.1% (52) sangat setuju. Skor min adalah 2.462 atau 61.55%. Ini bererti pernyataan 'Malu berjumpa kaunselor untuk meminta pertolongan bagi menyelesaikan masalah' adalah positif. Ini bermaksud pelajar malu berjumpa kaunselor bagi menyelesaikan masalah.

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 14 adalah 19.8% (73) sangat tidak setuju, 41.8% (154) tidak setuju, 25.8% (95) setuju dan 12.5% (46) sangat setuju. Skor min adalah 2.690 atau 67.25%. Ini bererti pernyataan 'Meminta pertolongan rakan-rakan adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor apabila menghadapi masalah' adalah negatif. Ini bermaksud, berjumpa kaunselor adalah lebih baik daripada meminta pertolongan rakan-rakan apabila menghadapi masalah.

Berdasarkan jadual 4.3 dapat dirumuskan bahawa min untuk pernyataan-pernyataan di antara 2.014 hingga 3.092. Pernyataan item 11 mendapat persetujuan tertinggi (3.092) dan diikuti pernyataan item 14

(2.690), item 13 (2.462) dan item 12 (2.014). Purata Skor min untuk keempat-empat pembolehubah tersebut adalah 2.565 atau 64.13%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar' adalah positif.

4.2.4 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Peningkatan Akademik

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan Peningkatan Akademik' ditunjukkan dalam jadual 4.4. Jadual 4.4 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 15 adalah 4.1% (15) sangat tidak setuju, 15.8% (58) tidak setuju, 52.7% (194) setuju dan 27.4% (101) sangat setuju. Skor min adalah 3.035 atau 75.88%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'PBK bekerjasama dengan guru mata pelajaran untuk membantu pelajar yang mengalami kesukaran belajar' adalah positif.

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 16 adalah 28.8% (106) sangat tidak setuju, 45.1% (166) tidak setuju, 18.8% (69) setuju dan 7.3% (27) sangat setuju. Skor min adalah 2.954 atau 73.85%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Aktiviti-aktiviti PBK tidak mendorong pelajar untuk meningkatkan kebolehan dalam pencapaian akademik' adalah negatif. Ini bermaksud,

aktiviti-aktiviti PBK mendorong pelajar untuk meningkatkan kebolehan dalam pencapaian akademik.

Jadual 4.4
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Peningkatan Akademik

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
15	PBK bekerjasama dengan guru mata pelajaran untuk membantu pelajar yang mengalami kesukaran belajar.	4.1 (15)	15.8 (58)	52.7 (194)	27.4 (101)	3.035
16	Aktiviti-aktiviti PBK tidak mendorong pelajar meningkatkan kebolehan dalam pencapaian akademik.	28.8 (106)	45.1 (166)	18.8 (69)	7.3 (27)	2.954
17	Melalui aktiviti-aktiviti PBK pelajar lebih berupaya memperoleh jalan keluar terhadap masalah-masalah peribadi yang mengganggu ketenangan belajar.	1.9 (7)	15.2 (56)	54.3 (200)	28.5 (105)	3.095
18	Aktiviti-aktiviti PBK tidak memungkinkan pelajar-pelajar meningkatkan kebolehan dalam cara belajar berkesan.	17.7 (65)	47.0 (173)	26.4 (97)	9.0 (33)	2.734
Pemb.	Bimbingan Peningkatan Akademik	Purata Skor Min				2.955

Petunjuk : STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju
 () = Bilangan kekerapan
 Min > 2.5 = Positif
 Min < 2.5 = Negatif
 Pemb. = Pembolehubah

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 17 adalah 1.9% (7) sangat tidak setuju, 15.2% (56)

tidak setuju, 54.3% (200) setuju dan 28.5% (105) sangat setuju. Skor min adalah 3.092 atau 77.38%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Melalui aktiviti-aktiviti PBK, pelajar lebih berupaya memperolehi jalan keluar terhadap masalah-masalah peribadi yang mengganggu ketenangan belajar' adalah positif.

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 18 adalah 17.7% (65) sangat tidak setuju, 47.0% (173) tidak setuju, 26.4% (97) setuju dan 9.0% (33) sangat setuju. Skor min adalah 2.734 atau 68.35%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Aktiviti-aktiviti PBK tidak memungkinkan pelajar meningkatkan kebolehan dalam cara belajar yang berkesan' adalah negatif. Ini bermaksud, aktiviti-aktiviti PBK memungkinkan pelajar meningkatkan kebolehan dalam cara belajar yang berkesan.

Berdasarkan jadual 4.4 dapat dirumuskan bahawa min untuk pembolehubah-pembolehubah di antara 2.734 hingga 3.095. Pernyataan item 17 mendapat persetujuan tertinggi (3.095) dan diikuti pernyataan item 15 (3.035), item 16 (2.954) dan item 18 (2.734). Purata skor min untuk keempat-empat pembolehubah tersebut adalah 2.955 atau 73.86%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan Peningkatan Akademik' adalah positif.

4.2.5 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Ke IPT

Jadual 4.5
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan ke IPT

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
19	PBK telah memberi maklumat yang mencukupi kepada pelajar untuk memilih program pengajian di IPT.	8.2 (30)	25.5 (94)	42.1 (155)	24.2 (89)	2.823
20	Maklumat daripada PBK tentang IPT memberi gambaran yang jelas kepada pelajar yang berkemungkinan meneruskan pelajaran.	4.9 (18)	22.6 (83)	46.5 (171)	26.1 (96)	2.938
21	Maklumat daripada PBK tentang program pengajian di IPT adalah tidak sesuai dengan kebolehan pelajar.	28.3 (104)	50.8 (187)	17.7 (65)	3.3 (12)	3.041
22	Pelajar hanya memperoleh maklumat tentang IPT daripada guru kelas dan guru mata pelajaran.	13.6 (50)	34.5 (127)	36.1 (133)	15.8 (58)	2.459
Pemb.	Bimbingan Ke IPT	Purata Skor Min				2.815

Petunjuk : STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju
 () = Bilangan kekerapan
 Min > 2.5 = Positif
 Min < 2.5 = Negatif
 Pemb. = Pembolehubah

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan ke IPT' ditunjukkan dalam jadual 4.5. Jadual 4.5 menunjukkan

bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 19 adalah 8.2% (30) sangat tidak setuju, 25.5% (94) tidak setuju, 42.1% (155) setuju dan 24.2% (89) sangat setuju. Skor min adalah 2.823 atau 70.58%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'PBK telah memberi maklumat yang mencukupi kepada pelajar untuk memilih program pengajian di IPT' adalah positif.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 20 adalah 4.9% (18) sangat tidak setuju, 22.6% (83) tidak setuju, 46.5% (171) setuju dan 26.1% (96) sangat setuju. Skor min adalah 2.938 atau 73.45%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Maklumat daripada PBK tentang IPT memberi gambaran jelas kepada pelajar yang berkemungkinan meneruskan pelajaran' adalah positif.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 21 adalah 28.3% (104) sangat tidak setuju, 50.8% (187) tidak setuju, 17.7% (65) setuju dan 3.3% (12) sangat setuju. Skor min adalah 3.041 atau 76.03%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Maklumat daripada PBK tentang program pengajian di IPT adalah tidak sesuai dengan kebolehan pelajar' adalah negatif. Ini bermaksud, maklumat daripada PBK tentang program pengajian di IPT sesuai dengan kebolehan pelajar.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 22 adalah 13.6% (50) sangat tidak setuju, 34.5% (127) tidak setuju, 36.1% (133) setuju dan 15.8% (58) sangat setuju. Skor min adalah 2.459 atau 61.48%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'Pelajar hanya memperolehi maklumat tentang IPT daripada guru kelas dan guru mata pelajaran' adalah negatif. Ini bermaksud, pelajar juga memperolehi maklumat tentang IPT daripada PBK.

Berdasarkan jadual 4.5 dapat dirumuskan bahawa min untuk pembolehubah-pembolehubah di antara 2.459 hingga 3.041. Pernyataan item 21 mendapat persetujuan tertinggi (3.041) dan diikuti pernyataan item 20 (2.938), item 19 (2.823) dan item 22 (2.459). Purata skor min untuk keempat-empat pembolehubah tersebut adalah 2.815 atau 70.38%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan ke IPT' adalah positif.

4.2.6 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Bimbingan Kerjaya

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan Kerjaya' ditunjukkan dalam jadual 4.6. Jadual 4.6 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 23 adalah 3.5% (13) sangat tidak setuju, 25.8% (95) tidak setuju, 50.3% (185) setuju dan 20.4% (75) sangat setuju. Skor min adalah 2.875 atau 71.88%. Ini bererti

tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'Aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya telah diselenggarakan secara teratur dan sistematik' adalah positif.

Rajah 4.6
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK
Dalam Pembolehubah Bimbingan Kerjaya

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
23	Aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya telah diselenggarakan secara teratur dan sistematik.	3.5 (13)	25.8 (95)	50.3 (185)	20.4 (75)	2.875
24	Terdapat edaran dan buletin tentang maklumat aktiviti bimbingan dan kerjaya.	10.1 (37)	31.0 (114)	43.2 (159)	15.8 (58)	2.647
25	Aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya menarik dan dapat membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya.	2.7 (10)	19.3 (71)	48.6 (179)	29.3 (108)	3.046
26	Khidmat bimbingan kerjaya tidak membantu pelajar dalam memberi pilihan pertimbangan yang lebih matang tentang kecenderungan bidang pekerjaan yang akan diceburi.	28.0 (103)	48.1 (177)	19.6 (72)	4.3 (16)	2.997
Pemb.	Bimbingan Kerjaya	Purata Skor Min				2.891

Petunjuk : STS = Sangat tidak setuju
 TS = Tidak setuju
 S = Setuju
 SS = Sangat setuju
 () = Bilangan kekerapan
 Min > 2.5 = Positif
 Min < 2.5 = Negatif

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan Kerjaya' ditunjukkan dalam jadual 4.6. Jadual 4.6 menunjukkan

bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 23 adalah 3.5% (13) sangat tidak setuju, 25.8% (95) tidak setuju, 50.3% (185) setuju dan 20.4% (75) sangat setuju. Skor min adalah 2.875 atau 71.88%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'Aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya telah diselenggarakan secara teratur dan sistematik' adalah positif.

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 24 adalah 10.1% (37) sangat tidak setuju, 31.0% (114) tidak setuju, 43.2% (159) setuju dan 15.8% (58) sangat setuju. Skor min adalah 2.647 atau 66.18%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'Terdapat edaran dan buliten tentang maklumat aktiviti bimbingan kerjaya' adalah positif.

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 25 adalah 2.7% (10) sangat tidak setuju, 19.3% (71) tidak setuju, 48.6% (179) setuju dan 29.3% (108) sangat setuju. Skor min adalah 3.046 atau 76.15%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'Aktiviti-aktiviti bimbingan kerjaya menarik dan dapat membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya' adalah positif.

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 26 adalah 28.0% (103) sangat tidak setuju, 48.1%

(177) tidak setuju, 19.6% (72) setuju dan 4.3% (16) sangat setuju. Skor min adalah 2.997 atau 74.93%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'Khidmat bimbingan kerjaya tidak membantu pelajar dalam memberi pilihan pertimbangan yang lebih matang tentang kecenderungan bidang pekerjaan yang akan diceburi' adalah negatif. Ini bermaksud, khidmat bimbingan kerjaya membantu pelajar dalam memberi pilihan pertimbangan yang lebih matang tentang kecenderungan bidang pekerjaan yang akan diceburi.

Berdasarkan jadual 4.6 dapat dirumuskan bahawa min untuk pembolehubah-pembolehubah di antara 2.647 hingga 3.046. Pernyataan item 25 mendapat persetujuan tertinggi (3.046) dan diikuti pernyataan item 26 (2.997), item 23 (2.875) dan item 24 (2.647). Purata skor min untuk keempat-empat pembolehubah tersebut adalah 2.891 atau 72.28%. Ini bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Bimbingan Kerjaya' adalah positif.

4.2.7 Persepsi Responden Terhadap PBK Dalam Pembolehubah Keyakinan Pelajar

Data taburan persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Keyakinan Pelajar Terhadap PBK' ditunjukkan dalam jadual 4.7. Jadual 4.7 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 27 adalah 1.1% (4) sangat tidak setuju, 7.3% (27) tidak setuju, 41.8% (154)

setuju dan 49.7% (183) sangat setuju. Skor min adalah 3.402 atau 85.05%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pembolehubah 'PBK merupakan suatu khidmat nasihat yang baik' adalah positif.

Rajah 4.7
Taburan Persepsi Responden Terhadap PBK
Dalam Pembolehubah Keyakinan Pelajar

Item	Pernyataan	Skala Persetujuan				Min
		STS	TS	S	SS	
27	PBK merupakan suatu khidmat nasihat yang baik.	1.1 (4)	7.3 (27)	41.8 (154)	49.7 (183)	3.402
28	Usaha yang dijalankan oleh PBK adalah tidak berkesan.	26.6 (98)	50.0 (184)	16.3 (60)	7.1 (26)	2.962
29	PBK telah menjalankan peranan dengan cukup baik.	4.3 (16)	21.2 (78)	54.6 (201)	19.8 (73)	2.899
30	PBK adalah tidak penting bagi setiap sekolah menengah di seluruh negara.	55.4 (204)	30.4 (112)	6.8 (25)	7.3 (27)	3.340
Pemb.	Keyakinan Pelajar	Purata Min Skor				3.151

Petunjuk :

- STS = Sangat tidak setuju
- TS = Tidak setuju
- S = Setuju
- SS = Sangat setuju
- () = Bilangan kekerapan
- Min > 2.5 = Positif
- Min < 2.5 = Negatif
- Pemb. = Pembolehubah

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 28 adalah 26.6% (98) sangat tidak setuju, 50.0% (184) tidak setuju, 16.3% (60) setuju dan 7.1% (26) sangat setuju. Skor min adalah 2.962 atau 74.05%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap

pernyataan 'Usaha yang dijalankan oleh PBK adalah tidak berkesan' adalah negatif. Ini bermaksud, usaha yang dijalankan oleh PBK berkesan.

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 29 adalah 4.3% (16) sangat tidak setuju, 21.2% (78) tidak setuju, 54.6% (201) setuju dan 19.8% (73) sangat setuju. Skor min adalah 2.899 atau 72.48%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'PBK telah menjalankan peranan dengan cukup baik' adalah positif.

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa taburan skala persetujuan responden untuk item 30 adalah 55.4% (204) sangat tidak setuju, 30.4% (112) tidak setuju, 6.8% (25) setuju dan 7.3% (27) sangat setuju. Skor min adalah 3.340 atau 83.50%. Ini bererti tahap persetujuan responden terhadap pernyataan 'PBK adalah tidak penting bagi setiap sekolah menengah di seluruh negara' adalah negatif. Ini bermaksud PBK adalah penting bagi setiap sekolah menengah di seluruh negeri.

Berdasarkan jadual 4.7 dapat dirumuskan bahawa min untuk pembolehubah-pembolehubah di antara 2.899 hingga 3.402. Pernyataan item 27 mendapat persetujuan tertinggi (3.402) dan diikuti pernyataan item 30 (3.340), item 28 (2.962) dan item 29 (2.899). Purata skor min untuk keempat-empat pembolehubah tersebut adalah 3.151 atau 78.78%. Ini

bererti persepsi responden terhadap PBK dalam pembolehubah 'Keyakinan Pelajar' adalah positif.

4.2.8 Kesimpulan

Jadual 4.8
Skor Min Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK

No.	Pembolehubah	Peratusan	Skor Min	Keputusan
1.	Keselesaian dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK	76.73	3.069	Positif
2.	Personaliti Kaunselor Sekolah	79.83	3.193	Positif
3.	Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar	64.13	2.565	Positif
4.	Bimbingan Peningkatan Akademik	73.86	2.955	Positif
5.	Bimbingan ke IPT	70.38	2.815	Positif
6.	Bimbingan Kerjaya	72.28	2.891	Positif
7.	Keyakinan Pelajar Terhadap PBK	78.78	3.151	Positif
	Jumlah Purata	73.70	2.948	Positif

Berdasarkan jadual 4.8 dapat dirumuskan bahawa min untuk pembolehubah-pembolehubah 1 hingga 7 adalah di antara 2.565 hingga 3.193 atau 64.13% hingga 79.83%. Pembolehubah 2 mendapat persetujuan tertinggi (3.193 @ 79.83%) dan diikuti pembolehubah 7 (3.151 @ 78.78%), pembolehubah 1 (3.069 @ 76.73%), pembolehubah 4 (2.955 @ 73.86%),

pembolehubah 6 (2.891 @ 72.28%), pembolehubah 5 (2.815 @ 70.38%) dan pembolehubah 3 (2.565 @ 64.13%). Purata skor min untuk ketujuh-tujuh pembolehubah tersebut adalah 2.948 atau 73.70%. Ini bererti persepsi responden terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK adalah positif.

4.3 Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK Mengikut Lokaliti dan Jantina

Data yang dilaporkan dalam bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian dua iaitu 'Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar kawasan bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK di sekolah menengah?' Soalan kajian tiga iaitu 'Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK di sekolah menengah?' Terdapat tujuh pembolehubah yang dikemukakan dalam soal selidik untuk menganalisis maklum balas persepsi responden mengikut lokaliti. Dua hipotesis nul diuji untuk melihat perbezaan persepsi responden terhadap pembolehubah-pembolehubah tersebut mengikut lokaliti dan jantina. Pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah:

1. Kesselesaian dan kemudahan fizikal bilik PBK.
2. Personaliti kaunselor sekolah.
3. Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar.

4. Bimbingan peningkatan akademik.
5. Bimbingan ke IPT.
6. Bimbingan kerjaya.
7. Keyakinan pelajar terhadap PBK.

Terdapat 4 item (pernyataan) yang dikemukakan untuk mendapat maklumat persepsi responden dalam setiap pembolehubah tersebut. Maklum balas tahap persetujuan responden dianalisis untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan persepsi. Ujian-t digunakan untuk mengenalpasti perbezaan setiap pembolehubah dan menentukan penerimaan atau penolakan hipotesis kajian.

4.3.1 Pengujian Hipotesis 1:

Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Persepsi Pelajar-pelajar Bandar Dengan Luar Bandar Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK

Berdasarkan jadual 4.9, data keputusan Ujian-t terhadap hipotesis 1 menunjukkan min persepsi responden bandar adalah 81.5054 dan responden luar bandar 83.6033. Sisihan piawai responden bandar adalah 9.460 dan responden luar bandar 9.554. Perbezaan nilai-t adalah -2.12 dan berada pada tahap signifikan 0.035. Ini bererti bahawa hipotesis nul 1 ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar bandar dan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK.

Jadual 4.9
Ujian-t Persepsi Responden Terhadap Fungsi, Keupayaan
dan Keberkesanan PBK Mengikut Lokaliti

No.	Pembolehubah	L	n	Min	S/P	nilai-t	Sig.
1	Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK	B	184	12.0163	1.883	-2.82	0.005*
		L/B	184	12.5380	1.656		
2	Personaliti kaunselor sekolah	B	184	12.8152	2.103	0.39	0.693
		L/B	184	12.7283	2.120		
3	Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar.	B	184	10.0543	2.129	-1.95	0.052
		L/B	184	10.4620	1.881		
4	Bimbingan peningkatan akademik	B	184	11.5870	2.105	-2.14	0.033*
		L/B	184	12.0489	2.031		
5	Bimbingan ke IPT	B	184	11.0109	2.434	-2.06	0.040*
		L/B	184	11.5109	2.208		
6	Bimbingan kerjaya	B	184	11.5707	2.084	0.05	0.960
		L/B	184	11.5598	2.021		
7	Keyakinan pelajar terhadap PBK	B	184	12.4511	2.237	-1.33	0.184
		L/B	184	12.7554	2.153		
Ho 1	Fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK	B	184	81.5054	9.460	-2.12	0.035*
		L/B	184	83.6033	9.554		

Petunjuk :

- L = Lokaliti
- B = Bandar
- L/B = Luar bandar
- n = Responden
- S/P = Sisihan piawai
- Sig = Signifikan
- Hipotesis = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar bandar dengan luar bandar
- * = $P < 0.05$

Keputusan Ujian-t terhadap pembolehubah 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah tersebut berada pada tahap signifikan 0.005 (1), 0.693 (2), 0.052 (3), 0.033 (4), 0.040 (5), 0.960 (6) dan 0.184 (7). Ini bererti tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk pembolehubah 2, 3, 6 dan 7, dan terdapat perbezaan yang signifikan untuk pembolehubah 1, 4, dan 5.

4.3.2 Pengujian Hipotesis 2:

Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Persepsi Pelajar Lelaki Dengan Pelajar Perempuan Terhadap Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK

Berdasarkan jadual 4.10, data keputusan Ujian-t terhadap hipotesis 2 menunjukkan min persepsi responden lelaki adalah 82.9185 dan responden perempuan 82.1902. Sisihan piawai responden lelaki adalah 9.880 dan responden perempuan 9.226. Perbezaan nilai-t adalah 0.73 dan berada pada tahap signifikan 0.465. Ini bererti bahawa hipotesis nul 2 gagal ditolak. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK.

Jadual 4.10
Ujian-t Persepsi Responden Terhadap Fungsi,
Keupayaan dan Keberkesanan PBK Mengikut Jantina

Pemb.	Hipotesis	J	n	Min	S/P	nilai-t	Sig.
1	Keselesaian dan kemudahan fizikal bilik PBK	L	184	12.3859	1.884	1.17	0.245
		P	184	12.1685	1.689		
2	Personaliti kaunselor sekolah	L	184	12.9130	2.186	1.29	0.199
		P	184	12.6304	2.026		
3	Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar	L	184	10.2391	2.080	-0.18	0.857
		P	184	10.2772	1.957		
4	Bimbingan peningkatan akademik	L	184	11.6141	2.268	-1.89	0.060
		P	184	12.0217	1.852		
5	Bimbingan ke IPT	L	184	11.3967	2.407	1.12	0.265
		P	184	11.1250	2.257		
6	Bimbingan kerjaya	L	184	11.7609	2.069	1.84	0.067
		P	184	11.3696	2.018		
7	Keyakinan pelajar terhadap PBK	L	184	12.6087	2.347	0.05	0.962
		P	184	12.5978	2.044		
Ho 2	Fungsi, Keupayaan dan Keberkesanan PBK	L	184	82.9185	9.880	0.73	0.465
		P	184	82.1902	9.226		

Petunjuk :

- J = Jantina
- L = Lelaki
- P = Perempuan
- n = Responden
- S/P = Sisihan piawai
- Sig = Signifikan
- Hipotesis = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan
- * = $P < 0.05$

Keputusan Ujian-t terhadap pembolehubah 1, 2, 3, 4, 5, 6, dan 7 menunjukkan bahawa pembolehubah-pembolehubah tersebut berada pada tahap signifikan 0.245 (1), 0.199 (2), 0.857 (3), 0.060 (4), 0.265 (5), 0.067 (6) dan 0.962 (7). Ini bererti tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk pembolehubah-pembolehubah tersebut.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang ringkasan kajian, kesimpulan dapatan kajian, kesimpulan kajian, cadangan pelaksanaan dan cadangan kajian lanjutan.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Kajian ini juga cuba meneliti dan menjawab persoalan kajian di samping menentukan kebenaran hipotesis-hipotesis kajian. Secara amnya, persoalan kajian dan hipotesis kajian adalah terdiri daripada:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar kawasan bandar dengan kawasan luar bandar terhadap fungsi,

keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?

3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah?

Terdapat tujuh pembolehubah yang dikemukakan untuk menganalisis maklum balas persepsi pelajar. Pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah.

1. Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK.
2. Personaliti kaunselor sekolah.
3. Kaunselor menyelesaikan masalah pelajar.
4. Bimbingan peningkatan akademik.
5. Bimbingan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).
6. Bimbingan kerjaya.
7. Keyakinan pelajar terhadap PBK.

Subjek kajian berjumlah 368 pelajar dan terdiri daripada 184 pelajar lelaki dan 184 pelajar perempuan yang sedang menuntut dalam tingkatan lima di enam buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Tiga buah daripada sekolah-sekolah ini terletak di bandar Alor Setar, manakala tiga buah lagi, terletak di kawasan luar dari bandar Alor Setar.

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Terdapat 4 item (pernyataan) yang dikemukakan dalam setiap pembolehubah tersebut untuk mendapat maklumat persepsi responden. Keseluruhan item dalam soal selidik berjumlah 28 item. Maklum balas tahap persetujuan pelajar-pelajar dianalisis untuk mengenalpasti taburan persepsi skala persetujuan. Penganalisisan data dilakukan dalam dua bentuk. Bentuk pertama menggunakan analisis deskriptif iaitu taburan kekerapan, peratusan skor dan min skor untuk pernyataan setiap item. Purata skor min digunakan untuk menentukan tahap-tahap skor dalam min bagi pembolehubah-pembolehubah.

Bentuk kedua menggunakan analisis inferensi untuk menentukan penerimaan atau penolakan hipotesis kajian. Hipotesis-hipotesis diuji dengan menggunakan analisis statistik Ujian-t. Tujuannya untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan persepsi antara kedua-dua kumpulan pelajar terhadap pembolehubah yang dikaji.

5.3 Kesimpulan Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa kesimpulan dapat dirumuskan tentang persepsi pelajar-pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Keputusan-keputusan kajian ini adalah seperti berikut;

1. Keputusan kajian terhadap pembolehubah bersandar pertama menunjukkan bahawa Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK sekolah positif. Ini bererti bahawa Bilik PBK bersih, Ceria dan Menarik; Terletak di sudut yang sesuai; dapat Mewujudkan perasaan terselamat, istirahat dan keadaan tersendiri; dan Terletak di tempat yang sunyi dan harmoni.

Berdasarkan Ujian-t terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap 'Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK'. Pelajar-pelajar luar bandar lebih berpuas hati terhadap kemudahan fizikal bilik PBK berbanding dengan bandar. Selain itu, Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap keselesaan dan kemudahan fizikal bilik PBK.

Berdasarkan Ujian-t, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan terhadap 'Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK'.

2. Keputusan kajian terhadap pembolehubah bersandar kedua menunjukkan bahawa personaliti kaunselor sekolah adalah memuaskan. Ini bererti bahawa kaunselor telah mengamalkan; Perkhidmatan

elanggan yang baik; Bersikap jujur; Berminat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh pelajar; dan Merahsiakan perkara peribadi pelajar.

Berdasarkan Ujian-t, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar bandar dan luar bandar terhadap 'Personaliti Kaunselor Sekolah'. Selain itu, Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan terhadap personaliti kaunselor sekolah.

3. Keputusan kajian terhadap pembolehubah bersandar ketiga menunjukkan bahawa 'Keupayaan Kaunselor Dalam Menyelesaikan Masalah Pelajar' adalah memuaskan. Ini bererti bahawa 'Pelajar perlu berjumpa kaunselor jika menghadapi masalah peribadi' dan Meminta pertolongan kaunselor adalah lebih baik daripada meminta pertolongan rakan-rakan'. Dapatan ini tidak sama dengan dapatan kajian Rohana (1974) yang mendapati, kebanyakan pelajar bersetuju bahawa untuk menyelesaikan masalah peribadi adalah lebih baik berbincang dengan rakan-rakan daripada menemui kaunselor. Walaupun demikian, pelajar malu berjumpa kaunselor dan berpendapat berbincang dengan keluarga adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor apabila menghadapi masalah peribadi. Dapatan ini sama dengan kajian Rohana (1974) yang mendapati, kebanyakan pelajar bersetuju bahawa untuk menyelesaikan

masalah peribadi adalah lebih baik berbincang dengan ibu-bapa daripada menemui kaunselor.

Berdasarkan Ujian-t, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar bandar dan luar bandar terhadap 'Keupayaan Kaunselor Dalam Menyelesaikan Masalah Pelajar'. Selain itu, Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan terhadap 'Keupayaan Kaunselor Dalam Menyelesaikan Masalah Pelajar'.

4. Keputusan kajian terhadap pembolehubah bersandar keempat menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap 'Khidmat Bimbingan Peningkatan Akademik' adalah positif. Ini bererti bahawa 'PBK bekerjasama dengan guru mata pelajaran untuk membantu pelajar yang mengalami kesukaran belajar; Mendorong pelajar meningkatkan kebolehan dalam pencapaian akademik; Pelajar lebih berupaya memperolehi jalan keluar terhadap masalah-masalah peribadi yang mengganggu ketenangan pelajar dan Meningkatkan kebolehan dalam cara belajar berkesan.

Berdasarkan Ujian-t, terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap 'Khidmat Bimbingan Peningkatan Akademik'. Pelajar luar bandar lebih berpuas hati

berbanding pelajar bandar. Selain itu, Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap khidmat peningkatan akademik.

5. Keputusan kajian berkenaan pembolehubah bersandar kelima menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar terhadap 'Khidmat Bimbingan ke IPT adalah positif. Pelajar-pelajar memberi persetujuan yang positif terhadap tiga daripada empat pernyataan yang berkaitan dengan pembolehubah tersebut. Ini bererti bahawa PBK telah memberi maklumat yang mencukupi kepada pelajar untuk memilih program pengajian ke IPT; Memberi gambaran yang jelas dan maklumat yang diberikan adalah sesuai dengan kebolehan pelajar. Walaupun demikian, pelajar bersetuju bahawa mereka hanya memperolehi maklumat tentang IPT daripada guru kelas dan guru mata pelajaran.

Berdasarkan Ujian-t, terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar terhadap 'Bimbingan ke IPT'. Pelajar-pelajar luar bandar lebih berpuas hati berbanding dengan bandar. Selain itu, Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap Khidmat Bimbingan ke IPT.

6. Keputusan kajian berkenaan pembolehubah bersandar keenam menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar terhadap 'Khidmat Bimbingan Kerjaya' adalah positif. Ini bererti bahawa 'Khidmat Bimbingan Kerjaya' telah diselenggarakan secara teratur dan sistematik; Terdapat edaran dan buletin; Menarik dan membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya serta pelajar dapat memberi pertimbangan yang lebih matang tentang bidang pekerjaan yang akan diceburi.

Berdasarkan Ujian-t, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap 'Khidmat Bimbingan Kerjaya'. Selain itu, Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap 'Khidmat Bimbingan Kerjaya'.

7. Keputusan kajian berkenaan pembolehubah bersandar ketujuh menunjukkan bahawa persepsi pelajar-pelajar terhadap PBK dalam pembolehubah 'Keyakinan Pelajar' adalah positif. Ini bererti bahawa PBK merupakan suatu khidmat nasihat yang baik; Usaha yang dijalankan adalah berkesan; Berperanan dengan cukup baik; dan 'PBK adalah penting untuk setiap sekolah menengah di seluruh negeri'.

Berdasarkan Ujian-t, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar terhadap PBK dalam

pembolehubah keyakinan pelajar. Selain itu, Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap PBK dalam pembolehubah Keyakinan Pelajar.

5.4 Kesimpulan Kajian

Kajian tentang “Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling” di sekolah-sekolah menengah, daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman telah menunjukkan beberapa kesimpulan. Keputusan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan PBK adalah memuaskan. Pelajar memberi persetujuan yang positif terhadap semua pembolehubah yang berkaitan dengan PBK. Ini bererti bahawa Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK; Personaliti Kaunselor Sekolah; Keupayaan Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar; Bimbingan Peningkatan Akademik; Bimbingan ke IPT; Bimbingan Kerjaya dan Keyakinan Pelajar Terhadap PBK adalah memuaskan. Walaupun demikian, terdapat persepsi yang negatif terhadap beberapa pernyataan tertentu.

Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian Trotzer (1976), Smith (1974) dan Wan Mohd. Khair Wan Chik (1986). Walaupun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Symon (1977),

Arapan Kolenthi (1982), Mohd. Zain Kadir (1983), Hilfron (1962) dan Benedict, et. al. (1977) yang mendapati persepsi pelajar terhadap PBK adalah negatif.

Di samping itu, keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar-pelajar sekolah menengah bandar dengan luar bandar terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Pelajar memberi persepsi yang signifikan terhadap pembolehubah-pembolehubah bersandar berikut: Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK: Bimbingan Peningkatan Akademik dan Bimbingan ke IPT. Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang ketara terhadap pembolehubah-pembolehubah berikut: Personaliti Kaunselor Sekolah, Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar, Bimbingan Kerjaya dan Keyakinan Pelajar Terhadap PBK. Kesimpulannya, didapati pelajar-pelajar luar bandar lebih berpuas hati berbanding bandar.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Graff dan Warner (1966), yang mendapati pelajar-pelajar kawasan bandar lebih menunjukkan sikap positif terhadap perkhidmatan ini.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan

kaunseling. Pelajar memberi persepsi yang tidak signifikan terhadap pembolehubah-pembolehubah berikut: Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK, Personaliti Kaunselor Sekolah, Keupayaan Kaunselor Menyelesaikan Masalah Pelajar, Bimbingan Peningkatan Akademik, Bimbingan ke IPT, Bimbingan Kerjaya dan Keyakinan Pelajar Terhadap PBK.

Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian Siti Norhayati Harun (1983) dan Mohd. Seni Hussin (1982), tetapi bertentangan dengan dapatan kajian Symon (1977), Arapan Kolenthi (1982) dan Rohmat Jusoh (1982), yang mendapati terdapat perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan.

5.5 Cadangan Pelaksanaan

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, berikut dikemukakan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah.

1. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah telah melaksanakan perkhidmatan yang baik. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya unit ini mengekalkan dan meningkatkan mutu perkhidmatan.

2. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah mempunyai kemudahan fizikal yang selesa. Oleh itu, adalah dicadangkan kemudahan yang sedia ada dipelihara dengan baik supaya kelihatan bersih, ceria dan menarik. Selain itu, bilik PBK mestilah terletak di sudut yang bertepatan dengan fungsi dan peranan perkhidmatan tersebut.
3. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah sudah mempunyai kaunselor yang berpersonaliti sebagai seorang kaunselor. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya penampilan diri kaunselor dijaga kerana personaliti kaunselor merupakan asas terpenting dalam perkhidmatan ini.
4. Kaunselor sekolah mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan masalah pelajar. Walaupun demikian, pelajar-pelajar lebih cenderung untuk berbincang dengan keluarga daripada berjumpa kaunselor. Sungguhpun berbincang dengan keluarga merupakan tindakan baik tetapi kaunselor perlu menggalakkan pelajar menemui beliau kerana kaunselor mempunyai latihan untuk mengendalikan masalah-masalah pelajar. Selain itu, pelajar-pelajar malu untuk berjumpa kaunselor. Oleh itu, kaunselor perlu memberi penerangan yang jelas tentang fungsi dan peranan bimbingan dan kaunseling. Strategi pemasaran yang kemas,

teratur dan berkesan perlu dilaksanakan agar pelajar-pelajar tidak merasa malu dan ragu-ragu untuk berbincang dengan kaunselor jika menghadapi masalah terutama yang melibatkan emosi dan sahsiah.

5. Berhubung dengan khidmat bimbingan ke IPT didapati pelajar-pelajar luar bandar lebih berpuas hati berbanding pelajar-pelajar bandar. Oleh itu, kaunselor sekolah bandar perlu menambah lagi maklumat-maklumat tentang IPT supaya pelajar-pelajar mendapat manfaat.
6. Berdasarkan keputusan kajian terdapat beberapa perbezaan persepsi pelajar yang bertlainan lokaliti. Didapati pelajar-pelajar luar bandar lebih berpuas hati berbanding bandar. Oleh itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di bandar perlu dikemaskan lagi supaya setanding dengan kawasan luar bandar terutama dalam pembolehkan Keselesaan dan Kemudahan Fizikal Bilik PBK, Khidmat Bimbingan Peningkatan Akademik dan Bimbingan ke IPT.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Berikut dikemukakan cadangan untuk kajian-kajian lanjutan berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah.

1. Kajian ini dijalankan di 6 sekolah menengah dalam daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah. Kajian lanjutan yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman atau di seluruh negeri perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah.
2. Kajian ini difokuskan kepada tujuh pembolehubah dalam perkhidmatan tersebut. Fungsi keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bukan sahaja ditentukan pembolehubah-pembolehubah ini sahaja, tetapi mempunyai kaitan dengan pembolehubah-pembolehubah lain yang tidak disentuh seperti peningkatan disiplin pelajar, hubungan dengan ibu bapa dan masyarakat serta tahap pendidikan kaunselor. Kajian yang

dilakukan juga tidak mendalami setiap pembolehubah yang dikaji. Kajian hanya mengemukakan 28 pernyataan untuk 7 pembolehubah. Kajian mendalam untuk setiap pembolehubah tersebut secara khusus perlu dilakukan.

3. Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar sahaja. Kajian yang lebih luas iaitu melibatkan kaunselor, guru tingkatan, guru mata pelajaran, pihak pentadbir dan ibu bapa perlu dilakukan untuk mendapatkan gambaran lebih jelas dan tepat tentang fungsi, keupayaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah.

BIBLIOGRAFI

- Abas Yusuf (1991). ***Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Atas Negeri di Pontianak, Indonesia.*** Tesis Sarjana. Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Alimuddin b. Mohd. Dom (1988). ***Tanggapan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.*** Tesis Sarjana. Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Aminah bt. Hj. Hashim (1994). ***Keperluan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah : Satu Tinjauan.*** Monograf : Universiti Pertanian Malaysia.
- Amiruddin b. Saad (1996). Strategi Pemasaran Pendidikan Kerjaya Dalam Perkhidmatan Bimbingan, Satu Model. ***Jurnal Institut Perguruan Darul Aman*** Kedah Darul Aman : Institut Perguruan Darul Aman, 1994 : Bil 4, hal 36 - 41.
- Amir b. Awang (1996). Pengurusan dan Penghayatan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah ke Arah Perkhidmatan Berkualiti. ***Seminar Kaunselor-kaunselor Sekolah ke Arah Perkhidmatan Berkualiti.*** Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amla bt. Hj. Mohd. Salleh (1996). ***Konsep dan Falsafah Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kertas Kerja dibentangkan di Universiti Kebangsaan Malaysia.*** Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ang Huat Bin (1985). ***Tanggapan Guru dan Murid Kepada Fungsi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-sekolah Menengah.*** Latihan ilmiah (tidak diterbitkan), Fakulti Pendidikan : Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Arapan Kolenthi (1982). ***Sikap Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Terhadap Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah : Satu Kajian Kes.*** Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Arbuckle, D.S. (1975). ***Counselling : Philosophy, Theory and Practice.*** Boston : Allyn and Bacon.

- Atkinson, Rita L., Richard C. Atkinson dan Ernest R. Hilgard (1983). ***Introduction to Psychology***. New York : Harcourt Brace Javanovich, Inc.
- Awang b. Mat Ali (1979). ***Sikap Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Peranan Perundingcara Pelajar : Satu Kajian Kes***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan) . Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Azhari b. Tauhid (1985). ***"Ciri-ciri Kunselor Yang Dipilih Oleh Pelajar Untuk Ditemui dan Punca-punca Pemilihan Dibuat"***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Azli b. Abdullah (1997). ***Kepuasan Kerja Kaunselor Pelajar Sepenuh Masa : Satu Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Kulim/Bandar Baharu***. Kertas Projek Sarjana Sains Pengurusan. Universiti Utara Malaysia.
- Benedict, Apsler and Morrison (1977). Student Views of Their Consoling Needs and Counselling Services. ***Journal of College Student Personal***. Vol. 18, pg. 110 - 114.
- Chek Mat (1996). ***Pengurusan Berkualiti Dalam Perkhidmatan***. Kuala Lumpur : Utusan.
- Corey, G. And Corey, M.S. (1982). ***Groups : Process and Practice***, 2nd. Monterey : Brooks / Cole Publishing Co.
- Crosby (1996). A Far-Sighted Quality guru. ***Warta Q***. Universiti Utara Malaysia : Institut Pengurusan Kualiti, Bil. 6/1996.
- Downing, L.N. (1973). ***Counselling Theories and Techniques : Summonsed and Critiqued***. Chicago : Nelson - Hill.
- Ensenck Wurzburg dan Berne (1973). ***Encyclopaedia of Psychology***. New York: Happer and Row.
- Forgus, R.H. (1966). ***Perception***. New York : McGraw Hill Book Co.
- Form, A.L. (1953). "Measurement of Student Attitudes Toward Counselling Service". ***The Personal and Guidance Journal***. 32 : 84-87.
- Galloway R.L. (1993). ***Principles of Operations Management***. London and New York : Routledge.

- Gerler, E.R. (1976). "New Direction for School Counselling". *The School Counsellor*, 23 : 247-251.
- Gordon, E. W. (1964). "Counselling Socially Disadvantaged Children". Dalam F. Riessman, J. Cohen, & A. Pearl (eds.) . *Mental Health of The Poor*. New York : Free Press. 275 - 282.
- Graff R. dan Warner R. (1966). "Attitude Toward A School's Counselling Service and Seen By Administrators, Teacher and Their Principals". *Journal of Secondary Education*. Vol. 44.
- Greenberg, Jerald dan Baron A. Robert (1997). *Behaviour In Organizations*. United States of America : Prentice - Hall.
- Hahn, M.E. (1953). Conceptual Trends in Counselling. *Personnel and Guidance Journal*. 31 : 231-235.
- Hassan Langgulung (1990). "Kaunseling Dalam Masyarakat Islam". *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kauseling Dalam Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia", 25-26 September.
- Heilfron, M. (1962). The function of counselling as perceived by high school students. *The Personnel and Guidance Journal*, Vol. xxxix.
- Herr, E.L. (1986). "The Relevant Counsellor". *The School Counsellor*. 34 : 7-13.
- INTAN (1991). *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Malaysia.
- Jones, A.J. (1963). Principles of Guidance : *Guidance Counselling and Student Personnel In Education*, Fifth Ed. New York : McGraw-Hill.
- Julius, B. (1954). "Some Guidance Needs of High School Seniors" : *The Personnel and Guidance Journal*. Vol. 32.
- Kamus Dewan (1993). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1984). *Laporan Tahunan Unit Bimbingan dan Kauseling. Unit Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur : Bahagian Sekolah-sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Kuan Ah Kan (1985). ***Persepsi Murid-murid Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Llyod, A. P. dan Aminah Hashim (1987). ***Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mann. Howard S.H. (1958). ***Principles of Perception***. New York : Harper and Brother.
- Mazlan b. Osman (1986). ***Pandangan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Meador, B.D. dan C.R. Rogers (1979). "Person - centred Therapy". Dalam R.J.Corsini (ed.) ***Current Psychotherapies***. United State of America : F.E. Peacock Publishers. Inc.
- Miller, C.H. (1968). ***Foundations of Guidance***. New York : Harper & Row Publishers.
- Mitchel, T.R. (1978). ***People in Organizations Understanding Their Behavior***. United State of America : McGraw - Hill, Inc.
- Mohd. Majid Konting (1990). ***Kaedah Penyelidikan Pendidikan***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Seni b. Hussin (1982). ***Sikap Pelajar Terhadap Peranan Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya - Satu Kajian Kes di Salah Sebuah Sekolah Luar Bandar di Selangor***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Mohd. Soder b. Rahmad (1985). ***Kajian Sikap Pelajar-pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Mohd. Yassin b. Maaruf (1996). "Halatuju Perkhidmatan Kaunseling Sekolah Masa Kini dan Masa Akan Datang". ***Kertas Kerja Seminar Kaunselor-kaunselor Sekolah ke Arah Perkhidmatan Berkualiti***. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd. Zain b. Kadir (1983). ***Penyediaan dan Penyebaran Bahan-bahan Kerjaya di Sekolah-sekolah***. Muar : Sekolah Menengah Sains, 29hb. Oktober.
- Murdick, R.G, Render, B. dan Russel, R.S. (1990). ***Service Operation Management***. United States of America : Simon and Schuster.
- Norpah bt. Darus (1982). ***Sumber-sumber Persepsi dan Jangkaan Pelajar Terhadap Peranan Kaunselor di Sekolah***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Omardin b. Ashaari (1996). ***Pengurusan Sekolah : Suatu Panduan Lengkap***. Kuala Lumpur : Utusan.
- Rachman, S. (1977). "Behavior Therapy". Di dalam B. Berenson dan R. Carkhuff (Ed.) ***Sources of Gain In Counselling and Psychotherapy***. New York : Holt, Rinhart & Winston.
- Render, B. dan Heizer J (1997). ***Principles of Operations Management***. 2nd. Edt. United States of America : Prentice - Hall.
- Rohana bt. Zubir (1974). ***Perception of Adolescent Problem by Teacher and Their Pupils in Selected Form 4 English Medium Secondary Schools in Kuala Lumpur and Petaling Jaya***. Tesis Sarjana. Universiti Malaya : Fakulti Pendidikan.
- Rohmat b. Jusoh (1982). ***Persepsi Kaum Remaja Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah***. Satu kajian menggunakan teknik Repertory Grid. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Rowe, F.A. (1989). "College Students of High School Counsellors". ***The School Counsellor***. 36 : 260 - 264.
- Ruch, J.C. (1984). ***Psychology the Personnel Science***. Belmont, California : Wadsworth Publishing Company.
- Salehuddin b. Abd. Wahab (1991). ***Sikap Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kaunselor, Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Serta Kesianaan Mereka Untuk Menemui Kaunselor***. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Schmidt, J.J. (1986). "Becoming an Able Counsellor". ***Elementary School Guidance and Counselling*** 5 : 16 - 22.

- Schneiderman, L. (1965). "Social Class, Diagnosis and Treatment". *American Journal of Orthopsychiatry*. 35 : 99 - 105.
- Schultz (1963). "Student Opinion of a High School Guidance Program". *The Personnel and Guidance Journal*, Vol XLI.
- Sekaran, Uma (1992). *Research Method For Business : A Skill Building Approach*. New York : John Wiley & Sons. Inc.
- Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan (1996). *Panduan Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah*. Jabatan Pendidikan Negeri . Kedah Darul Aman.
- Shertzer, B. dan S. C. Stone (1974). *Fundamentals of Counselling*. 2nd ed. Boston : Houghton Mifflin.
- Simons, J.A. dan Helms, J.E. (1976). "Influence of Counsellor's Marital Status, Sex and Age on College and Non College Woman Counsellors Preference. *Journal of Counselling Psychology*, No. 23.
- Siti Norhayati bt. Harun (1972). *Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling :- Satu Kajian di Sebuah Institut Pengajian Tinggi*. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Smith, D. (1974). "Preference of University Students For Counsellors and Counselling Setting. *Journal of College Student Personal*, 15(1), 53 - 57.
- Snyder, J.R., Hill, C.E. dan Derksen, T.P. (1972). "Why Some Students do not Use University Counselling Facilities". *Journal of Counselling Psychology*. No. 19.
- Strong , S.R. (1968). "Counselling : An Interpersonal Influence Process". *Journal of Counselling Psychology*. 15 : 215 - 224.
- Suradi b. Salim (1996). *Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur : Utusan.
- Syed Othman Alhabshi (1989). *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Petaling Jaya : Penerbitan Hizbi.
- Symon, M. (1977). *"Opinion of Students, Guidance Teachers and Administrators of the Guidance Programs in Secondary Schools in Kuala Lumpur"*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya : Fakulti Pendidikan.

- Tan Chee Yee (1991). ***Bimbingan dan Kaunseling***. Kuala Lumpur : Budiman.
- Tan Juat Ngoh (1988). ***A Study to Investigate the Reasons Why Students are Reluctant to Seek Counselling***. Tesis Sarjana. Universiti Malaya : Fakulti Pendidikan.
- Trotzer, J.P. (1976). ***Perception of Counselling***. New York : McGraw Hill.
- Van Dalen, D. B., (1979). ***Understanding Educational Research : An Introduction***. Ed. 4th. New York : McGraw-Hill, Inc.
- Wan Mohd. Khair b. Wan Chik (1986). ***Persepsi Pelajar-pelajar Perempuan Sekolah Menengah Puteri, Kota Bharu, Kelantan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Wan Mohd. Zahid b. Wan Mohd. Noordin (1993). ***Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian***. Kuala Lumpur : Nurin.
- Wong Chong Peng (1985). ***Ciri-ciri Kaunselor dan Penggunaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling oleh Pelajar***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Wiggings, J.D. dan A.H. Moody (1987). "Student Evaluations of Counselling Programs" : An Added Dimension". ***The School Counsellor***. 34 : 253 - 361.
- Wrenn, C.(1962). ***The Counsellor in a Changing World***. Washington : American Personnel and Guidance Association.
- Zulkifli b. Ismail (1985). ***Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-sekolah Menengah dalam Daerah Muar, Johor***. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Zulmahari b. Merawi (1990). ***Tanggapan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak***. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pendidikan.

LAMPIRAN-LAMPIRAN

SOAL SELIDIK



Kepada.

Pelajar sekolah menengah yang dikasihi.

Soal selidik ini **bukan satu ujian** tetapi adalah satu **TINJAUAN** tentang persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah. Tujuannya adalah semata-mata untuk penyelidikan yang sedang saya jalankan.

Apa yang perlu pelajar lakukan ialah membaca dan memberi maklum balas kepada **SEMUA** soalan dengan jujur dan ikhlas.

Butir-butir dan maklumat yang pelajar berikan adalah menjadi **RAHSIA** dan akan digunakan untuk tujuan penyelidikan ini sahaja. Oleh itu, pelajar tidak perlu menulis nama dan sebarang pengenalan diri kecuali beberapa latar belakang yang diperlukan seperti yang dinyatakan di dalam **BAHAGIAN A** soal selidik ini.

Kerjasama pelajar adalah amat saya perlukan dan hargai. Diharapkan penyelidikan ini dapat mengumpul maklumat yang berguna bagi membantu meningkatkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah di negara kita.

Di atas kerjasama yang telah pelajar berikan, saya rakamkan ucapan terima kasih.

Hormat dari saya,

AZHARI BIN HJ. ABDUL RAHMAN

Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

Kedah Darul Aman

BAHAGIAN A

Maklumat Sekolah dan Jantina Responden

Arahan : Sila bulatkan nombor di sebelah bersesuaian dengan soalan yang dikemukakan.

Sekolah :	Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik	1	Kosongkan
	Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman	1	
	Sekolah Menengah Teknik	1	<input type="checkbox"/> V1
	Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi	2	
	Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Janggus	2	
	Sekolah Menengah Kebangsaan Muazam Shah	2	
Jantina :	Lelaki	1	<input type="checkbox"/> V2
	Perempuan	2	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN B

Maklumat Tentang Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (PBK).

ARAHAN :

Sila bulatkan salah satu daripada nombor di sebelah sebagai persetujuan kepada pernyataan yang dikemukakan.

1. Sangat tidak bersetuju 2. Tidak bersetuju 3. Setuju 4. Sangat setuju

- | | | | |
|---|---------|--------------------------|-----|
| 1. Pada pengamatan saya, bilik PBK sekolah saya bersih, ceria dan menarik. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v3 |
| 2. Pada pendapat saya, bilik PBK terletak di sudut yang tidak sesuai kerana berdekatan dengan bilik pengetua dan bilik guru. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v4 |
| 3. Saya merasakan persekitaran dalam bilik PBK dapat mewujudkan perasaan terselamat, istirahat dan keadaan tersendiri (privacy) untuk suasana penerimaan dan keinsanan. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v5 |
| 4. Pada pandangan saya, bilik PBK terletak di tempat yang sunyi dan harmoni untuk membincangkan hal-hal sulit dan rahsia. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v6 |
| 5. Pada pandangan saya, kaunselor sekolah saya mengamalkan perkhidmatan pelanggan yang baik dengan melayan pelajar secara adil dan hormat. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v7 |
| 6. Pada pandangan saya, kaunselor sekolah saya memang bersikap jujur terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar yang menemuinya. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v8 |
| 7. Saya merasakan bahawa kaunselor sekolah saya tidak berminat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh pelajar apabila berjumpa dengannya. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v9 |
| 8. Saya yakin bahawa kaunselor sekolah saya sentiasa merahsiakan semua perkara peribadi yang diceritakan oleh pelajar kepadanya dari pengetahuan guru-guru lain. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v10 |
| 9. Pada pandangan saya, jika menghadapi masalah peribadi, pelajar perlu berjumpa kaunselor kerana kaunselor sekolah dapat menolong. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v11 |

ARAHAN:

Sila bulatkan salah satu daripada nombor di sebelah sebagai persetujuan kepada pernyataan yang dikemukakan.

1. Sangat tidak bersetuju 2. Tidak bersetuju 3. Setuju 4. Sangat Setuju

- | | | | |
|--|---------|--------------------------|-----|
| 10. Pada pendapat saya, jika pelajar menghadapi masalah peribadi, berbincang dengan keluarga adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor sekolah. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v12 |
| 11. Saya pernah berfikir untuk berjumpa kaunselor sekolah untuk meminta pertolongan bagi menyelesaikan masalah saya tetapi malu berbuat demikian. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v13 |
| 12. Pada pendapat saya, meminta pertolongan rakan-rakan adalah lebih baik daripada berjumpa kaunselor sekolah saya apabila menghadapi masalah. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v14 |
| 13. Pada pengamatan saya, PBK sekolah saya bekerjasama dengan guru mata pelajaran untuk membantu pelajar yang mengalami kesukaran belajar. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v15 |
| 14. Pada pandangan saya, aktiviti-aktiviti PBK sekolah saya tidak mendorong pelajar-pelajar meningkatkan kebolehan dalam pencapaian akademik. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v16 |
| 15. Pada pandangan saya, melalui aktiviti-aktiviti PBK sekolah saya, pelajar-pelajar lebih berupaya memperolehi jalan keluar terhadap masalah-masalah peribadi yang mengganggu ketenangan dalam belajar. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v17 |
| 16. Pada pendapat saya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PBK tidak memungkinkan pelajar-pelajar meningkatkan kebolehan dalam cara belajar yang lebih berkesan. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v18 |
| 17. Pada pendapat saya, PBK sekolah saya telah memberi maklumat yang mencukupi kepada pelajar, untuk memilih program pengajian dengan tepat di IPT (Institut Pengajian Tinggi). | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v19 |
| 18. Pada pendapat saya, maklumat dari PBK tentang IPT memberi gambaran yang jelas untuk pelajar-pelajar yang berkemungkinan meneruskan pelajaran. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v20 |
| 19. Pada pendapat saya, maklumat dari PBK tentang program pengajian di IPT adalah tidak sesuai dengan kebolehan pelajar. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v21 |
| 20. Di sekolah, saya hanya memperolehi maklumat tentang IPT daripada guru kelas dan guru mata pelajaran. | 1 2 3 4 | <input type="checkbox"/> | v22 |



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel : 04 - 9241801 - 8 Cable : UTAMAS Telex : MA 42052 Fax/DL : 04 - 9241641

Sekolah Siswazah

UUM/SS/T-13/1


12 Januari 1998

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Adalah disahkan bahawa Azhari b. Abd. Rahman, no. matrik 80541 adalah pelajar siswazah program Sarjana Sains (Pengurusan) UUM/IAB di Universiti ini.

Beliau perlu mengutip serta mengumpul data/maklumat daripada berbagai sumber yang telah dikenalpasti untuk membolehkan beliau memenuhi keperluan penyediaan kerja kursus.

Sehubungan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepada beliau dalam usaha tersebut.


(AZAHARI AZMI)
b.p. Dekan

s.k. Fail Pelajar

s-siapa/Etrc/hh



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Paras 2,3 & 5, Blok J
PUSAT BANDAR DAMANSARA.
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.49(359)
Tarikh : 17 April 1998

En. Azhari bin Abd. Rahman,
No.92, Taman Sri Mentalon,
05250 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN.

Tuan/Puan,

*Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Persepsi Klien Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah”
telah diluluskan

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan
penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah
laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. ABD. KARIM BIN MD. NOR)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

/ Timbalan Dekan,
Sekolah Siswazah,
UUM.



JABATAN PENDIDIKAN TEKNIKAL,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 3, BLOK F,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon: 03-2558655
Kawat : "PENDIDIKAN"
Fax : 03-2551170

KP/JPT-BPTV/8/24/Jld.2/(93)
17 April 1998.



En. Azhari bin Abd. Rahman
No. 92, Taman Sri Mentalon,
05250 Alor Setar,
Kedah.

Tuan,

**Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian
Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Kota Setar**


Saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan ruj. KP(BPPDP)13/15/Jld.49(359) yang bertarikh 17 April 1998.

2. Sehubungan itu, Bahagian ini tiada halangan bagi tuan menjalankan kajian yang bertajuk 'Persepsi Klien Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah'. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan satu salinan laporan kajian tersebut kepada Bahagian ini sebaik sahaja kajian itu disempurnakan.

Sekian.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,


(HAJI AHMAD ZAINUDDIN BIN HAJI OTHMAN)
b.p. Pengrah,
Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Jabatan Pendidikan Teknikal.

s.k:

1. Semua Pengetua,
Sekolah Menengah Teknik di Daerah Kota Setar.



**JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
BANGUNAN PERSEKUTUAN
JALAN SULTAN BADLISHAH
05604 ALOR SETAR.

(Ked. Pendidikan 32)
(Pin. 2/91)

TELEFON:
Pengarah – A.S. 7332113
Pejabat – A.S. 7331311
FAX No: – 7317242

Ruj. Kami : JPK(PPSG) 03-12/9Jld.3(59)
Tarikh : 18 April, 1998.

Encik Azhari bin Abd. Rahman,
No. 92, Taman Sri Mentalon,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH JABATAN-JABATAN DAN INSTITUSI-
INSTITUSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Adalah saya diarah merujuk kepada surat Kementerian Pendidikan Malaysia KP(BPPDP)13/15
Jld 49(359) bertarikh 17 April, 1998 mengenai perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu pihak jabatan ini membenarkan tuan menjalankan kajian tersebut
merujuk kepada para 2 surat kementerian. di sekolah-sekolah berikut :-

- I. Sek. Men. Keb. Tunku Abdul Malik, Alor Setar.
- II. Sek. Men. Keb. Tunku Abdul Rahman, Alor Setar.
- III. Sek. Men. Keb. Teknik, Alor Setar.
- IV. Sek. Men. Keb. Jabi, Pokok Sena.
- V. Sek. Men. Keb. Muazzam Shah, Kota Sarang Semut.
- VI. Sek. Men. Keb. Alor Janggis.

3. Kebenaran ini tertakluk kepada persetujuan Pengetua sekolah-sekolah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

‘PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH GEMILANG’

Saya yang menurut perintah,

(AMERRUDDIN BIN ABD. HAMID)

Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perhubungan dan Pendaftaran Sekolah/Guru,
b.p. Pengarah Pendidikan Kedah Darul Aman.

s.k. Pegawai Pendidikan Daerah Kota Setar.

Pengetua sekolah-sekolah berkenaan.

AAH/sb

116